

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)**  
**SOALAN 13 (A100)**

Berapa banyakkah kedai dan rumah mampu milik yang telah dapat di jual dalam tempoh 6 bulan bagi tahun 2020?.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Komponen Rumah Mampu Biaya Johor (RMBJ) dibahagikan kepada 4 iaitu RMBJ A (RM 42,000), RMBJ B (RM80,000), RMBJ C (RM150,000), RMBJ D (RM220,000-RM300,000) dan Kedai Kos Sederhana (RM200,000).

Bagi keseluruhan tahun 2020 yang lalu, jumlah RMBJ dan kedai yang terjual adalah sebanyak 1,850 unit. Jumlah yang terjual ini melibatkan :

- RMBJ (A) sebanyak 34 unit
- RMBJ (B) sebanyak 690 unit
- RMBJ (C) sebanyak 1,101 unit
- RMBJ (D) Tiada projek terlibat kerana komponen ini diperkenalkan semasa Dasar Perumahan Rakyat Johor April 2019.
- Kedai Kos Sederhana sebanyak 25 unit

Berikut adalah senarai Projek yang terlibat :

**SENARAI RUMAH MAMPU BIAYA JOHOR (A) YANG TELAH DI JUAL BAGI TAHUN 2020**

BIL.	NAMA PEMAJU	NAMA PROJEK	JENIS BANGUNAN	KATEGORI / HARGA	JUMLAH KESELURUHAN	UNIT YANG TELAH DIJUAL
1	TETUAN MENTARI DEVELOPMENT SDN. BHD	TAMAN LEGENDA, MUKIM LABIS, SEGAMAT	RUMAH TERES 2 TINGKAT	RMB A / RM42,000	17	14
2	MAL WAH PROPERTIES SDN. BHD	TAMAN BUKIT TROPIKA, TANJUNG SEMBRONG	RUMAH TERES 2 TINGKAT	RMB A / RM42,000	25	20
<b>JUMLAH</b>					<b>42</b>	<b>34</b>

**SENARAI RUMAH MAMPU BIAYA JOHOR (B) YANG TELAH DI JUAL BAGI TAHUN 2020**

BIL.	NAMA PEMAJU	NAMA PROJEK	JENIS BANGUNAN	KATEGORI / HARGA	JUMLAH KESELURUHAN	UNIT YANG TELAH DIJUAL
------	-------------	-------------	----------------	------------------	--------------------	------------------------

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

1	SCIENTEX PARK SDN. BHD	TAMAN SCIENTEX PASIR GUDANG	RUMAH TERES 2 TINGKAT	RMB B / RM80,000	17	16
2	TETUAN MENTARI DEVELOPMENT SDN. BHD	TAMAN LEGENDA, MUKIM LABIS, SEGAMAT	RUMAH TERES 2 TINGKAT	RMB B / RM80,000	25	21
3	PUNCA REPUTASI SDN. BHD	TAMAN MUTIARA PERDANA, MUKIM SIMPANG KANAN, BATU PAHAT	RUMAH TERES 2 TINGKAT	RMB B / RM80,000	154	130
4	KLUANG SETIA HOLDINGS SDN. BHD	TAMAN SETIA MUTIARA, KLUANG	RUMAH TERES 2 TINGKAT	RMB B / RM80,000	62	47
5	MAL WAH PROPERTIES SDN. BHD	TAMAN BUKIT TROPIKA, TANJUNG SEMBRONG	RUMAH TERES 2 TINGKAT	RMB B / RM80,000	19	15
6	PIJ PROPERTY DEVELOPMENT SDN. BHD	TPI STULANG (BALERIA)	PANGSAPURI 12 TINGKAT	RMB B / RM80,000	99	87
7	SCIENTEX QUATARI SDN. BHD	TAMAN PULAI MUTIARA SP8	RUMAH PANGSAPURI 17 TINGKAT	RMB B / RM80,000	614	374
<b>JUMLAH</b>					<b>990</b>	<b>690</b>

**SENARAI RUMAH MAMPU BIAYA JOHOR (C) YANG TELAH DI JUAL BAGI TAHUN 2020**

BIL.	NAMA PEMAJU	NAMA PROJEK	JENIS BANGUNAN	KATEGORI / HARGA	JUMLAH KESELURUHAN	UNIT YANG TELAH DIJUAL
1	SCIENTEX PARK SDN. BHD	TAMAN SCIENTEX PASIR GUDANG	RUMAH TERES 2 TINGKAT	RMB C / RM150,000	96	82
3	TETUAN MENTARI DEVELOPMENT SDN. BHD	TAMAN LEGENDA, MUKIM LABIS, SEGAMAT	RUMAH TERES 2 TINGKAT	RMB C / RM140,000	17	17
6	TETUAN PIJ PROPERTY DEVELOPMENT SDN. BHD	APARTMENT CENDERASARI, TPI LARKIN	PANGSAPURI 12 TINGKAT	RMB C / RM150,000	121	121

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

7	TETUAN PECK SEONG REALTY SDN. BHD	TAMAN GEMILANG 3, MUKIM KULAI	RUMAH TERES 2 TINGKAT	RMB C / RM150,000	117	114
8	TETUAN SCIENTEX QUATARI SDN. BHD	TAMAN PULAI MUTIARA (FASA SP9)	PANGSAPURI 11 TINGKAT	RMB C/ RM150,000	420	288
13	MAL WAH PROPERTIES SDN. BHD	TAMAN BUKIT TROPIKA, TANJUNG SEMBRONG	RUMAH TERES 2 TINGKAT	RMB C/ RM110,000	14	11
14	GENTING PROPERTY SDN. BHD	GENTING INDAHURA (Z40) MUKIM KULAI	TOWN HOUSE	RMB C / RM150,000	168	151
15	GENTING PROPERTY SDN. BHD	GENTING INDAHURA (Z41) MUKIM KULAI	TOWN HOUSE	RMB C / RM150,000	110	89
17	PIJ PROPERTY DEVELOPMENT SDN. BHD	TPI STULANG (CATTLEYA)	PANGSAPURI 12 TGKAT	RMB C/ RM150,000	108	96
18	TETUAN KSL DEVELOPMENT SDN. BHD	TAMAN MENKIBOL MUKIM KLUANG	RUMAH TERES 2 TINGKAT	RMB C/ RM150,000	153	132
<b>JUMLAH</b>					<b>1324</b>	<b>1,101</b>

**SENARAI KEDAI KOS SEDERHANA YANG TELAH DI JUAL  
BAGI TAHUN 2020**

BIL.	NAMA PEMAJU	NAMA PROJEK	JENIS BANGUNAN	KATEGORI / HARGA	JUMLAH KESELURUHAN	UNIT YANG TELAH DIJUAL
1	TETUAN MUTIARA RINI	TAMAN MUTIARA RINI FASA 6C1B MUKIM PULAI, JOHOR	KEDAI 1 TINGKAT	KKS / RM200,000	25	25
<b>JUMLAH</b>					<b>25</b>	<b>25</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)**  
**SOALAN 14 (A85)**

Mohon perelaskan perancangan lengkap untuk pelan mengatasi banjir yang telah dibuat dan akan dibuat bagi mengatasi banjir di Kluang atau lebih khususnya sekitar Kampung Bentong, Kampung Palembang, Kampung Sembrong dan kawasan-kawasan sekitar bandar Kluang.

**JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI**

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Johor bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan seperti yang dinyatakan adalah dengan melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Melantai, Kluang, Johor. Selain itu, JPS juga giat menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan berkala bagi memastikan kelancaran aliran sungai yang terlibat.

Di bawah Rancangan Johor Lima Tahun (RJ5T) RMK-12, peruntukan yang diluluskan utk RTB ini adalah sebanyak RM 3.5 juta. Bagi tahun 2021, pelantikan perunding sedang dilaksanakan bagi menjalankan rekabentuk terperinci yang akan mengambil masa selama 6 bulan. Selepas itu, kerja-kerja fizikal bagi RTB ini akan dimulakan.

Adalah besar harapan, dengan terlaksananya RTB ini, masalah banjir di Lembangan Sungai Melantai dapat diatasi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)**  
**SOALAN 15 (A199)**

Adakah peruntukkan penyenggaraan jalan raya seluruh negeri Johor telah dikurangkan pada tahun ini memandangkan penyelenggaraan jalan masa ini adalah tidak memuaskan?.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Peruntukan yang telah Jabatan Kerja Raya Johor terima pada tahun ini setakat 29 Julai 2021 adalah sebanyak RM160,233,171.42 melebihi tahun sebelum ini (2020) iaitu sebanyak RM141,792,464.26. Selain itu, jumlah tersebut masih tidak termasuk peruntukan bagi laluan FT001, FT003 dan FT005 memandangkan laluan tersebut sedang dalam penyediaan kontrak penyenggaraan baru yang dijangka akan dilaksanakan pada bulan Oktober tahun ini.

Walaupun bagaimanapun, Jabatan ini maklum berkenaan isu beberapa lokasi di FT001, FT003 dan FT005 terdapat beberapa lokasi yang menghadapi masalah kerosakan permukaan jalan yang memerlukan kaedah pembaikan besar, namun memandangkan kontrak tersebut masih belum selesai, justeru pembaikan secara tampalan sahaja yang dapat dilaksanakan buat masa kini.

Selain daripada itu, terdapat juga laluan jalan persekutuan yang masih dalam peringkat penyerahan, iaitu projek jalan baru yang telah siap sepenuhnya dan dalam proses tindakan CSFJ bagi tujuan dimasukkan senarai jalan tersebut di bawah penyenggaraan jalan persekutuan setelah beberapa isu penerimaan selesai.

Sebagai contoh laluan yang melibatkan projek yang telah siap dan akan diserahkan kepada cawangan senggara di bawah konsesi adalah seperti berikut:

Menaiktaraf jalan Ft092 dari Bandar Penawar (senai Desaru Expressway) ke Sg. Rengit (Sek 0-28), dari 2 lorong kepada 4 lorong, Kota Tinggi, Johor. (Pakerj A & B)

Projek Menaiktaraf Jalan Muar-Tangkak (fasa 1).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)**

**SOALAN 16 (A189)**

Penularan varian Delta di Johor semakin membimbangkan. Mohon Exco Kesihatan kongsi data kawasan-kawasan hotspot varian ini untuk diambil maklum oleh Wakil Rakyat.

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)**

**SOALAN 17 (A149)**

Apakah perancangan kerajaan negeri Johor untuk menghadapi Covid-19 varian Delta yang dikatakan lebih berbahaya dan adakah kerajaan negeri bersedia untuk memberi vaksin yang mampu untuk melawan varian Covid tersebut kepada rakyat di masa akan datang?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**

**SOALAN 18 (A206)**

Jelaskan bilangan kes jangkitan Covid-19 Variant Delta di Johor mengikut daerah.

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

(Jawapan bersekali untuk soalan A189, A149 & A206)

Kehadiran *Variant of Concern (VOC)* di Negeri Johor, juga menyebabkan penularan yang pantas di kalangan warga industry. Terdapat kes *VOC* melibatkan varian Delta, di mana sehingga 7 Ogos 2021 sebanyak 11 kes dilaporkan di Negeri Johor. Ini melibatkan iaitu di Tangkak (7), Segamat (2), Muar (1) dan Batu Pahat (1). Walau bagaimanapun, bilangan *VOC* yang dilaporkan adalah kecil dan masih lagi terkawal.

Pejabat Kesihatan Daerah akan menjalankan penilaian risiko terhadap kes-kes yang dilaporkan dan akan melanjutkan tempoh kuarantin kepada 21 hari sekiranya disyaki kes-kes tersebut mempunyai kaitan dengan *VOC* khususnya varian Delta.

SOP Pengurusan COVID-19 KKM sedia ada cukup mantap untuk menangani penularan *VOC*. Akan tetapi ia memerlukan kerjasama semua pihak khususnya pemimpin negeri dan masyarakat di dalam pengesanan awal dan pengasingan kes bagi mencegah penularan varian tersebut.

Daerah	Bilangan kes	Kluster/Saringan
Batu Pahat	1	Saringan Pintu Masuk Antarabangsa – Kes Import A (pada 2/5/021)- tamat
Tangkak	7	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kluster – Jarum Laut (tamat 5/7/2021)</li> <li>• Kluster – Serom Lima (tamat 6/7/2021)</li> <li>• Kluster – Jalan Bidara (tamat 2/8/2021)</li> <li>• Kluster – Jalan Bidara (tamat 2/8/2021)</li> <li>• Saringan Bergejala (pada 20/6/2021) tamat</li> <li>• Kluster – Jalan Perindustrian Enam (aktif-tamat 16/08/2021)</li> <li>• Kluster – Jalan Perindustrian Enam (aktif tamat 16/08/2021)</li> </ul>
Muar	1	Saringan Bergejala (pada 8/6/2021)- tamat
Segamat	2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kluster- Kenawar 69 (tamat 6/8/2021)</li> <li>• Kluster- Kenawar 69 (tamat 6/8/2021)</li> </ul>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)**  
**SOALAN 19 (A150)**

Perihal bantuan sumbangan peranti kepada sekolah-sekolah di negeri Johor, sekolah manakah yang difokuskan sebagai penerima dan adakah kerajaan berhasrat untuk menyalurkan bantuan peranti kepada madrasah-madrasah yang juga bergantung kepada Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR)?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG**

Jabatan Pendidikan Negeri Johor adalah sebagai penerima Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Johor (PRE 3.0) yang dilancarkan pada 10 Jun 2021. Setakat ini, sebanyak 8,000 unit peranti berbentuk komputer riba (bernilai RM25 juta) termasuk talian internet untuk kegunaan murid-murid Tingkatan 5 di 283 sekolah menengah di negeri Johor termasuk Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Murid dalam kalangan keluarga B40 adalah keutamaan dan proses serahan kepada jabatan ini masih dalam tindakan lanjut kerajaan negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**

**SOALAN 20 (A134)**

Apakah perancangan kerajaan bagi membantu kumpulan penghantar makanan (Food Rider) untuk mendapatkan caruman PERKESO.

**JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini, kerajaan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana Gig) telah pun memberi tajaan 70% kepada semua pekerja Gig di mana syarikat berdaftar di bawah MDEC Di Pelan 2 Selama 12 Bulan. Manakala melalui belanjawan 2021 kerajaan telah memperkenalkan SPS Lindung iaitu tajaan 100% kepada empat (4) kategori iaitu, sukarelawan, Perkhidmat Rumah Ibadat Islam JAKIM, anggota sektor awam Dan Delivery Riders di bawah Pelan 2 selama 12 bulan. Berdasarkan laporan dari PERKESO Negeri Johor, seramai 4348 penghantar makanan (Food Rider) di negeri Johor telah pun mendaftarkan diri.

Bagi membantu kumpulan penghantar makanan (Food Rider) untuk mendapatkan caruman PERKESO, hebahan mengenai manfaat caruman perlu dipergiat dan dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai keperluan dan kelebihan mencarum. Bagi tujuan tersebut, PERKESO Negeri Johor terutamanya telah melaksanakan 777 sesi libat urus dengan pelbagai agensi dari Januari 2020 sehingga Julai 2021. Selain itu, aktiviti-aktiviti promosi telah dilaksanakan melalui pelbagai medium media massa elektronik dan media sosial.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)**  
**SOALAN 21 (A180)**

Adakah kerajaan negeri bersedia untuk menyekat operasi mana-mana kilang yang pekerjaanya belum menerima vaksin menjelang 1 Ogos 2021?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar ini perlu dibuat diperingkat Kementerian Antarabangsa dan Industri serta pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan dijelaskan dalam SOP Pelan Pemulihan Negara terutama bagi permohonan kebenaran operasi melalui sistem CIMS yang disediakan oleh pihak MITI bagi sektor pengilangan dan pembuatan. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersama PDRM, KKM dan lain-lain agensi melalui taskforce peringkat daerah akan menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan SOP Pelan Pemulihan Negara yang telah ditetapkan.

Namun demikian, sehingga kini kebenaran pengoperasian kilang di kawasan PBT Negeri Johor adalah bergantung sepenuhnya kepada SOP yang ditetapkan oleh MKN dan ditimbalguna di peringkat Kerajaan Negeri seterusnya diaplikasikan di seluruh PBT Negeri Johor.

Justeru itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor menyambut baik dan bersedia untuk melaksanakan arahan yang dikuatkuasakan. Sekiranya ada dasar yang mewajibkan semua pekerja kilang perlu menerima suntikan vaksin dengan dos yang secukupnya, PBT Negeri Johor akan mengemas kini dan memasukkan keperluan tersebut dalam syarat pembaharuan lesen bagi lesen perniagaan pengoperasian kilang di seluruh Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)**  
**SOALAN 22 (A171)**

Taska dibenarkan beroperasi pada masa penutupan penuh, justeru pekerja taska di kategori sebagai barisan hadapan. Dengan menyatakan bilangan orang yang terlibat dan timeline, menerangkan apakah pendirian dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menggerakkan agenda tersebut?

**JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL**

Kerajaan Persekutuan telah memutuskan bahawa TASKA yang dibenarkan beroperasi semasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 adalah untuk menjaga anak petugas barisan hadapan dan bekerja dalam perkhidmatan perlu atau kedua ibu/ bapa bekerja. Pengoperasian TASKA adalah bagi TASKA yang sah tempoh pendaftaran serta perlu mematuhi SOP Penjagaan Sosial (TASKA) dan Panduan Pencegahan Penularan COVID-19 bagi keselamatan Warga TASKA. Pengusaha TASKA juga perlu memaklumkan pengoperasian kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian/ Cawangan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sebanyak 223 TASKA berdaftar di Negeri Johor sehingga Julai 2021. Daripada jumlah tersebut sebanyak 141 buah TASKA yang telah membuat pemakluman pengoperasian semasa PPN Fasa 1. Daripada jumlah TASKA yang beroperasi, seramai 524 pengasuh yang bekerja dan 1,326 orang kanak-kanak yang diasuh dalam tempoh PPN Fasa 1.

Kerajaan Persekutuan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pada 28 Jun 2021 telah mengumumkan Bantuan Khas kepada pengusaha TASKA yang berdaftar dengan JKM yang terkesan secara langsung dengan PPN Fasa 1 bagi tujuan meringankan beban pengurusan TASKA. Bantuan ini juga bertujuan untuk menampung kos penjagaan kebersihan di TASKA bagi usaha mencegah penularan COVID-19 demi keselamatan kanak-kanak yang dihantar ke TASKA.

Bantuan ini disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor kepada sebanyak RM3,000 secara *one-off* kepada TASKA Institusi, TASKA Komuniti, TASKA di Tempat Kerja dan sebanyak RM800.00 kepada TASKA Rumah yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta 308 (Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984). Permohonan bantuan dibuka pada 19 Julai 2021 sehingga 31 Ogos 2021 dan pembayaran bantuan akan dibuat kepada Pengusaha TASKA yang diluluskan mulai 15 September 2021 sehingga 15 Oktober 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)**

**SOALAN 23 (A84)**

Apakah langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk membantu pekebun kecil yang kerugian apabila hasil mereka tidak boleh dijual ?

**YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)**

**SOALAN 24 (A46)**

Apakah usaha yang dilakukan oleh Jabatan Pertanian atau FAMA dalam memastikan tiada berlakunya lambakan hasil pertanian yang tidak dapat dipasarkan semasa Covid-19 ini?

**YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)**

**SOALAN 25 (A105)**

Dalam kehidupan norma baharu ini, apakah usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian bagi membantu petani dan pengusaha yang menghadapi masalah lambakan hasil tanaman yang tidak dapat dipasarkan serta apakah langkah jangka panjang serta jangka pendek bagi mengatasi masalah ini.

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)**

**SOALAN 26 (A148)**

Melihatkan keadaan petani yang menanggung kerugian akibat hasil jualan tanaman yang merosot sewaktu pandemik ini, apakah peranan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam menentukan pasaran hasil tanaman petani-petani ini serta adakah langkah terbaik bagi membantu pasaran mereka?

**JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI**

(Jawapan bersekali untuk soalan A84, A46, A105 & A148)

Terdapat pelbagai langkah pelaksanaan bagi mengatasi isu pemasaran hasil pertanian melalui peranan dan fungsi yang dimainkan oleh agensi-agensi di bawah sektor pertanian. Antaranya ialah FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang, dan Jabatan Pertanian.

Melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Federal Agricultural Marketing Authority atau FAMA), ianya berperanan dalam memperluaskan saiz pasaran produk agromakanan dan meningkatkan pendapatan pengeluar. FAMA juga berperanan dalam memastikan produk pertanian dan industri makanan tersedia dan boleh diperolehi pada harga yang mampu dibayar oleh pengguna. Bagi melaksanakan peranan ini, FAMA telah menggiatkan usaha-usaha meningkatkan kecekapan di sepanjang rantai pemasaran melalui strategi-strategi berikut:

- Pembangunan ruang pasaran
- Pembangunan infrastruktur pemasaran
- Pembangunan keusahawanan
- Pembangunan pemasaran produk
- Pembangunan regulasi pemasaran

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

Misi FAMA pula adalah untuk membangunkan rantaian pemasaran makanan dan hasil pertanian yang cekap dan berkesan bagi meningkatkan nilai kepada pelanggan. Manakala objektif penubuhan FAMA adalah bagi :

- Merealisasikan Wawasan Negara dan Dasar Pertanian Negara untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar utama makanan dunia melalui kecekapan dan keberkesanan produk pertanian dan makanan;
- Membangunkan infrastruktur pemasaran dan sistem rantaian bekalan yang cekap dan berkesan;
- Membangunkan pemasaran dan peningkatan permintaan hasil pertanian dan makanan dalam dan luar negara; dan
- Memacukan keupayaan sumber manusia dalam pemasaran pertanian berasaskan pengetahuan dan teknologi terkini.

Berikut adalah beberapa kemudahan dan projek serta program yang telah dibuat oleh pihak FAMA dalam usaha membantu petani dan usahawan sewaktu pandemik Covid-19.

**1. Khidmat Pemasaran FAMA**

FAMA sentiasa memainkan peranan yang penting dalam membantu petani yang terkesan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). FAMA mempunyai empat (4) pusat operasi iaitu di Johor Bahru, Simpang Renggam, Batu Pahat dan Tangkak. Pusat ini berperanan menjadi pusat pengumpulan dan pengedaran sayur-sayuran dan buah-buahan sebelum diedarkan kepada pemborong, peruncit dan Pusat-pusat Operasi FAMA seluruh negara.

Selain itu, pusat operasi ini dilengkapi dengan beberapa kemudahan bilik sejuk yang boleh disewakan kepada petani-petani bagi tujuan penyimpanan produk segar. Sepertimana sedia maklum, ramai petani yang terkesan kerana produk segar tidak dapat dipasarkan kerana permintaan yang tidak menentu dan produk segar yang cepat rosak. Oleh itu, dengan adanya kemudahan bilik sejuk ini akan dapat memanjangkan jangka hayat sesuatu produk segar dan mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh petani.

Pihak FAMA berperanan untuk membuat belian secara langsung dan juga membuat pengaturan pasaran kepada petani yang terjejas. Khidmat pemasaran **urusniaga FAMA Negeri Johor sepanjang tahun 2020** ialah sebanyak 966 Mt dengan nilai belian RM1.47 juta. Manakala bagi tahun ini sehingga **Jun 2021** ialah sebanyak 540 Mt dengan nilai RM1.28 juta. Antara komoditi yang agak terjejas dan dibantu pemasaran oleh FAMA ialah cili merah, pisang berangan, pisang tanduk, timun, ubi kayu, tembikai, dan buah-buahan bermusim seperti rambutan, pulasan, manggis serta durian.

**2. Pasar Segar Terkawal (PST) dan Outlet Peruncitan FAMA**

Kewujudan Pasar Segar Terkawal (PST) merupakan satu inisiatif sebagai ruang pasaran kepada usahawan memasarkan produk ketika tempoh pelaksanaan sekatan pergerakan penuh, sepanjang tempoh PKP ini, di Pasar Tani Kekal.

Terdapat 6 buah Pasar Segar Terkawal yang telah beroperasi iaitu di **Pusat Operasi Johor Bahru, Pasar Tani Kekal Datin Halimah Johor Bahru, Pasar Tani Kekal Permas Jaya**

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**Johor Bahru, Pasar Tani Kekal Bukit Gambir Tangkak, Pasar Tani Kekal Endau Mersing dan Pasar Tani Kekal Mersing** sepanjang tempoh pandemik Covid-19 ini berlaku bagi memastikan rantaian makanan kepada rakyat tidak terganggu dan terputus. Berikut merupakan maklumat sepanjang pengoperasian Pasar Segar Terkawal tersebut:

Bil.	Perkara	Tahun 2020	Tahun 2021 (Sehingga Jun 2021)
1.	Nilai jualan (RM)	RM2,653,480.00	RM 1,578,888.50
2.	Bil. Usahawan	128	168
3.	Bil. Pengunjung	505,366	225,940
4.	Bil Pre-order	3,558	2,774
5.	Bil Penghantaran	4,115	2,352

Nilai Pasar Segar Terkawal 2021 (Sehingga Jun)

Selain itu, FAMA turut mempunyai rangkaian outlet peruncitan iaitu **Agrobazaar Rakyat (ABR), Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) dan Gerai Buah-buahan Segar (GBBS)** yang dibenarkan beroperasi sepanjang PKP bagi memastikan para petani dan pekebun dapat terus menjual dan memasarkan hasil tanaman mereka.

Sehingga Jun 2021, sebanyak **11 buah ABR, 26 buah AKR dan 28 buah GBBS** telah beroperasi di seluruh negeri Johor. Berikut adalah nilai jualan dan bilangan usahawan yang terlibat secara langsung dalam outlet peruncitan FAMA ini bagi tahun 2020 dan tahun 2021 (sehingga Jun) :

Bil.	Perkara	Tahun 2020	Tahun 2021 (sehingga Jun 2021)
1.	Nilai jualan (RM)	RM16,761,955.18	RM 19,602,192.06
2.	Bil. Usahawan	61	65
3.	Bil. Pengunjung	150,480	115,754

Outlet Peruncitan FAMA

### 3. Program Ladang Kontrak FAMA

FAMA turut berperanan dalam membantu para petani khususnya mereka yang mempunyai kawasan tanaman yang luas namun mempunyai masalah pemasaran hasil pertanian akibat pandemik Covid-19 ini. Program ini dinamakan Ladang Kontrak yang telah dimulakan semasa Rancangan Malaysia Kesembilan, dengan menumpukan kepada sektor pertanian yang boleh dipergiatkan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi. Program ini selaras dengan Teras Satu Misi Nasional iaitu meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi yang memberi penekanan kepada beberapa aspek pembangunan pengeluaran berkualiti yang mempunyai nilai tambah melalui aktiviti seperti penggedran, pembungkusan dan perlabelan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

Program Ladang Kontrak ini dapat menjamin pasaran dan meningkatkan pendapatan pengeluar, mempergiatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran dan memastikan pengeluaran hasil pertanian yang berkualiti dan menepati kehendak pasaran. Berikut merupakan bilangan petani yang berdaftar dibawah program Ladang Kontrak Johor mengikut daerah dan keluasan sehingga Jun 2021 :

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Bilangan Peserta</b>	<b>Keluasan (Ha)</b>
1.	Kota Tinggi	158	698.66
2.	Mersing	146	388.00
3.	Segamat	106	214.78
4.	Muar	188	210.05
5.	Tangkak	62	125.29
6.	Batu Pahat	318	563.66
7.	Kluang	216	451.10
8.	Pontian	215	410.09
9.	Johor Bahru & Kulai	70	335.70
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1,479</b>	<b>3,397.32</b>

Di bawah program Ladang Kontrak FAMA juga telah melaksanakan program yang dinamakan Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP). Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP) FAMA merupakan individu, syarikat, koperasi atau kumpulan pemasar yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran hasil pertanian (sayur dan buah) tempatan atau mengumpul daripada pengeluar dan memasarkannya ke pasaran tempatan dan eksport yang berdaftar dengan FAMA.

Program ini dilaksanakan bagi memastikan hasil pengeluaran peserta dapat dipasarkan mengikut spesifikasi jenis/gred secara berjadual dan berterusan melalui penglibatan RPKP FAMA. Antara objektif program RPKP FAMA adalah meningkatkan bekalan sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan ke pasaran, bekerjasama dengan Pusat Operasi FAMA dalam memasarkan hasil pertanian, memastikan pengeluaran hasil ladang terus kepada pengguna melalui RPKP FAMA, memadankan pengeluaran dengan pasaran dan meningkatkan pendapatan peserta.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

Antara aktiviti dan pencapaian program Ladang Kontrak yang telah dilaksanakan sehingga bulan Jun 2021 adalah seperti berikut :

Bil	Aktiviti	Pencapaian Berakhir Jun 2021		
		Bilangan	Kuantiti (MT)	Nilai (RM)
1.	Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bil Pemasar : 34 pemasar</li> <li>• Bil Pengeluar: 133 petani</li> </ul>	290 MT	RM 590,070.00
2.	Pengaturan Pasaran	168 Pengaturan Pemasaran	5,059 MT	RM 9,538,512.00
3.	Jualan Terus Dari Ladang (JTDL)	23 Peserta	63.59 MT	RM 411,777.00
4.	Pusat Pengumpulan Ladang (PPL)	19 PPL	2,620.70 MT	RM 3,556,705.00
5.	Perjanjian Jual Beli (FA)	35 Peserta	461 MT	RM 526,700.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>3,140.70</b>	<b>RM 14,623,764.00</b>

#### 4. Pemasaran Digital

Sejajar dengan perubahan semasa dalam trend pembelian pengguna kini dimana semuanya adalah dihujung jari maka pihak FAMA turut mengorak langkah dalam aspek pemasaran ke arah pemasaran digital.

FAMA telah menjalankan aktiviti atau kegiatan pemasaran dalam beberapa cara dan teknik yang menggunakan media digital untuk mendapatkan lalu lintas, data, dan pelanggan. Ini adalah usaha yang dibuat untuk menyampaikan, menyebarkan, dan menawarkan sesuatu bagi membantu usahawan dalam mempromosikan dan menjual produk mereka. Ini adalah seiring dengan peredaran masa yang kian mencabar yang lebih menumpukan kepada jualan secara digital. Contoh platform digital yang digunakan seperti Agrobazaar *Online*, Facebook Marketplace, Shopee, Lazada dan Live Facebook. Antara aktiviti promosi yang telah dilaksanakan dari Januari - Jun 2021 adalah seperti berikut :

Bil	Platform	Program Promosi Yang Dilaksanakan	Penglibatan Petani (Orang)
1	Agrobazaar <i>Online</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Promosi Nenas</li> <li>• Promosi Pasar Segar Terkawal</li> <li>• Promosi Mangga Sala &amp; Harumanis</li> </ul>	25

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

2	Live Facebook	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Live Jualan Promosi Nenas</li> <li>• Live Promosi Tembikai</li> <li>• Live Promosi Rock Melon</li> <li>• Live Promosi Buah-buahan bermusim</li> </ul>	15
---	---------------	--	----

Manakala berikut pula adalah merupakan data jualan sehingga bulan Jun tahun 2021 di Platform Agrobazaar *Online* yang diuruskan sepenuhnya oleh pihak FAMA Johor :

Bil	Perkara	Nilai
1	Bil Kedai Usahawan	442 usahawan
2	Jumlah Produk Usahawan	1,756 produk
3	Nilai Jualan (2019 -2020)	RM 267,430
4	Nilai Jualan (2021 berakhir Jun)	RM 85,987

Berikut adalah maklumat Program Usahasama FAMA Johor dengan pihak Shoppe & Lazada yang dilaksanakan bermula pada tahun ini :

Bil	Perkara	Nilai
1	Bil Usahawan Terlibat	30 usahawan
2	Jumlah Produk	75 produk
3	Nilai Jualan (2021 berakhir Jun)	RM 49,750

Pihak FAMA turut mengaturkan beberapa siri kursus secara *online* yang disasarkan melibatkan 200 usahawan tani, seperti berikut :

- a. Kursus *Digital Marketing*
- b. Pelaburan dan Tanaman Durian Musang King
- c. Automasi pemasaran
- d. Program Gandakan Jualan Dengan Sistem Agent
- e. Kursus Amalan baik Sayur Sayuran dan Buah – buahan
- f. Kursus Galakan Dan Pemasaran Tanaman Rock Melon
- g. Kursus Tanaman Dan Pemasaran Nenas
- h. Kursus Fertigasi Penanaman Cili Kulai



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

Susulan itu FAMA turut merancang dan mengatur beberapa lagi program dalam masa terdekat iaitu :

Bil	Program	Tarikh Pelaksanaan
1	Kursus Galakan Pelaburan Dan Pemasaran Tanaman Pisang	8 Ogos 2021
2	Kemahiran Teknikal Bisnes Usahawan Pemasar Agromakanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 7 - 8 Ogos</li> <li>• 14 - 15 Ogos</li> <li>• 21 - 22 Ogos</li> <li>• 28 - 29 Ogos</li> </ul>
3	Promosi Jualan Melalui Facebook Live	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 20 Ogos 2021</li> <li>• 26 September 2021</li> <li>• 26 Oktober 2021</li> <li>• 28 November 2021</li> <li>• 26 Disember 2021</li> </ul>
4	Program Promosi Di Agrobazaar Online dan Promosi Usahasama Shopee & Lazada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merdeka Day</li> <li>• Promosi 9.9</li> <li>• Promosi 10.10</li> <li>• Promosi 11.11</li> <li>• Promosi Depavali</li> <li>• Promosi 12.12</li> <li>• Promosi Krismas</li> </ul>

#### 5. Pusat Pemprosesan Durian Tangkak

FAMA Daerah Tangkak mempunyai pusat pemprosesan durian bertaraf GMP yang dibina atas dasar bagi menangani masalah lambakan durian yang berlaku di Daerah Tangkak, Muar, Segamat khasnya dan di Negeri Johor amnya. Pusat Pemprosesan ini memproses durian segar menjadi isi durian dan juga tempoyak untuk pasaran tempatan.

Pasaran bagi isi durian dan juga tempoyak telah meningkat bagi pengusaha- pengusaha yang menjalankan aktiviti perniagaan berasaskan durian seperti durian crepe, aiskrim durian, masakan tempoyak dan sebagainya.

Antara kemudahan di Pusat Pemprosesan Durian FAMA Daerah Tangkak adalah mempunyai kapasiti pemprosesan sebanyak 2 tan buah segar sehari, mesin pengasingan isi durian, mesin vacum pack serta blast freezer dan cold room yang oleh menyimpan 22 mt isi durian beku dalam satu masa.

Selain itu, dalam menangani masalah lambakan durian, pusat ini turut membuat pengaturan pasaran ke pusat-pusat pemprosesan swasta yang lain yang terdapat di sekitar daerah Tangkak dan Muar dan sehingga bulan Jun 2021, sebanyak 12 Mt durian telah diatitkan ke kilang pemprosesan swasta.

#### 6. Program Galakan Pasaran Dan Promosi

Sejak Pandemik COVID-19 mula melanda Negara pada Mac 2020 yang lalu, pihak FAMA turut memperkasakan aktiviti Galakan Pasaran bagi memastikan hasil pertanian dapat di pasaran dengan baik, tidak berlaku lambakan di peringkat ladang dan seterusnya petani mampu memperoleh pendapatan. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti Kempen Lebihkan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan di mana aktiviti promosi ini dapat memberi kesedaran tentang khasiat yang terdapat pada buah-buahan dan sayur-sayuran dan seterusnya menggalakkan orang ramai untuk menyokong produk keluaran tempatan. Melalui kempen ini, ianya akan dapat memberi kesedaran kepada orang ramai untuk lebihkan makan buah-buahan dan sayur-sayuran bagi memastikan kesihatan mereka terjamin dan meningkatkan antibodi mereka semasa dalam musim COVID-19 ini seterusnya merangsang permintaan terhadap bekalan yang dipromosikan.

Pihak FAMA telah mengambil langkah yang proaktif dengan melaksanakan program-program seperti “*Banana Week*”, “*Moris Week*” dan sebagainya untuk mempromosikan dan menggalakkan orang ramai membeli hasil pertanian tersebut. Dalam program ini, pihak FAMA telah berusaha dan mencipta pelbagai resepi masakan yang berasaskan hasil pertanian seperti Nenas Coklat, Nenas Goreng Tepung, Jus Nanas Float, Jus Pisang Float, Popia Pisang Coklat, Brownies Coklat Pisang Kukus, Sambal Berapi dan pebagai lagi jenis resepi makanan dimana aktiviti demontrasi masakan ini turut mendapat kerjasama daripada chef-chef bertauliah di sekitar Negeri Johor. Menu-menu ini telah dicipta berdasarkan gabungan daripada resipi tradisional dan resipi moden dalam usaha untuk menarik minat orang ramai dalam mempelbagaikan menu masakan mereka dengan menggunakan hasil pertanian.

Selain itu, pihak FAMA juga telah melaksanakan program-program jualan secara “*Virtual*” dengan menggunakan medium Media Sosial seperti Facebook *Live* seperti program “*My Rakyat Raya Virtual*”, “*My Best Buy Virtual*” dan sebagainya. Program ini adalah merupakan satu mekanisme baru yang disediakan untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk membeli secara *online*. Mekanisme pelaksanaan program ini adalah melalui pembelian secara *online*. Pengiklanan secara terus daripada Ladang dan Premis usahawan melalui *platform* Media Sosial seperti Facebook *Live* telah membantu menaikkan jumlah pengikut mereka di laman sosial, dapat memperkenalkan premis usahawan dan turut mempengaruhi orang ramai untuk membeli secara terus daripada mereka dengan harga yang lebih berpatutan.

Pihak FAMA juga turut melaksanakan program MAFI Prihatin yang telah bermula pada Jun 2021 dimana program ini adalah merupakan program sumbangan produk agromakanan yang dilaksanakan oleh MAFI bagi meringankan beban penerima sumbangan yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Program ini juga bertujuan membantu mempromosikan produk keluaran petani dan usahawan tempatan yang terjejas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Promosi ini dapat meningkatkan permintaan produk agromakanan di pasaran seterusnya menjamin pendapatan petani dan usahawan tempatan. Sehingga hari ini **FAMA Negeri Johor** telah melaksanakan 18 kali program MAFI Prihatin di seluruh Negeri Johor dengan anggaran sumbangan sebanyak 14 Metrik Tan hasil pertanian. Melalui program ini, ianya dapat membantu para petani untuk memasarkan hasil pertanian dan seterusnya memastikan mereka dapat menjana pendapatan sepanjang pelaksanaan PKP.

Di bawah **Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Johor** pula, LPP berperanan dalam menyediakan ruang pasaran bagi menyediakan perkhidmatan pemasaran produk-produk hasil pertanian dan IKS yang diuruskan oleh Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) dan Pertubuhan Peladang Kawasan seperti berikut :

- i. 27 Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) @ Peladang Bizcenter

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

@ Peladang Outlet

- ii. 12 Buah Agrobazar
- iii. 1 Pasar Peladang
- iv. 7 Buah Kedai Peladang

Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor telah mempergiat dan mengaktifkan operasi 27 buah pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) dan *Outlet* Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negeri Johor dalam mengumpul dan memasarkan hasil pertanian usahawan peladang sepanjang musim pandemik COVID-19 bermula dari tahun 2020 sehingga kini.

Berakhir 31 Disember 2020, PPHP Pertubuhan Peladang kawasan telah memasarkan hasil pertanian sebanyak **RM32.71 juta** dan pada tahun ini sehingga bulan Jun 2021 pemasaran hasil pertanian sebanyak **RM17.017 juta**. Jumlah pemasaran hasil-hasil pertanian ini telah melibatkan 766 pengeluaran dan usahawan Ahli-Ahli Pertubuhan Peladang.

Pertubuhan Peladang telah memasarkan produk-produk hasil pertanian dari Januari sehingga Jun 2021 seperti berikut :

Bil	Jenis Produk	Berat (MT)
1	ayam	965.45
2	Sayur-sayuran	407.89
3	Buah-buahan	243.46
4	Hasil Laut	98.99
5	Daging lembu	40.89
6	IKS & makanan sejuk beku	80.78

Sebagai contoh, hasil pertanian buah nanas dari pekebun kecil telah dipasarkan melalui Peladang *Outlet* Pengerang sebanyak 11.469 Mt dan peladang outlet Benut sebanyak 100.38 Mt. Semasa musim lambakan buah durian yang lalu Peladang *Outlet* Ayer Baloi turut membantu memasarkan sebanyak 7.79 Mt hasil buah durian pekebun kecil di sekitar daerah Pontian.

Sebagai langkah jangkamasa panjang bagi menjamin dan memantapkan rantaian pemasaran hasil pertanian, pihak kerajaan negeri juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi Program Pengumpulan Hasil Pertanian PPK Benut dan PPK Kluang. Pada masa ini PPK Benut telah memasarkan hasil pertanian daripada pengeluaran hasil pertanian seramai 69 orang dan PPK Kluang seramai 126 orang. Peruntukan ini akan memberi manfaat kepada 29 pertubuhan peladang kawasan dan 1 pertubuhan peladang negeri yang akan menyelia 700 unit peladang dengan keahlian berakhir 30 Jun 2021 berjumlah 105,574 orang ahli.

Antara usaha yang dimainkan oleh **Jabatan Pertanian** pula untuk membantu petani dalam soal pemasaran ini adalah dengan cara **penyediaan maklumat pengeluaran hasil pertanian mengikut daerah**. Siasatan dan pengenalpastian petani dilakukan bagi membuat anggaran pengeluaran tanaman melalui program pengembangan yang dilaksanakan oleh 'frontliner' pertanian yang sentiasa mengambil berat mengenai industri pertanian ini baik dari segi penanaman mahupun pengeluaran.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

Maklumat petani dan jangkaan pengeluaran hasil tanaman utama yang kritikal dan memerlukan penjualan segera di kawasan perkhidmatan dikenalpasti seterusnya maklumat-maklumat ini diwar-warkan melalui laman media sosial dalam bentuk infografik dan dimuatnaik ke laman sosial Pejabat Pertanian Daerah masing-masing.

Maklumat berkenaan seterusnya dikongsi bersama dengan laman sosial Jabatan Pertanian supaya hebahan dan liputan tersebut dapat diperluaskan. Maklumat ini dikemaskini secara mingguan bagi membolehkan maklumat-maklumat pengeluaran terkini diperolehi oleh orang ramai. Langkah ini sedikit sebanyak dapat membantu petani-petani memasarkan hasil pertanian mereka dan menggalakkan petani menggunakan kaedah pemasaran secara atas talian (online) memandangkan pendekatan strategi pemasaran ini penyampaiannya lebih mudah dan pantas, dan pendekatan perluasan maklumat serta komunikasinya yang tiada had dan sempadan selaras dengan penerimaan pengguna pada masa kini.

Selain itu, **penyelarasan melalui platform MAFI inc di peringkat Negeri dan Daerah** turut memainkan peranan penting bagi membincangkan segala permasalahan berkaitan industri pertanian termasuk isu-isu lambakan hasil pertanian. Semua agensi yang terlibat sentiasa bekerjasama dalam memastikan aktiviti pertanian di peringkat lapangan sentiasa dipantau dan diberi tumpuan. Antara isu-isu lambakan hasil pertanian yang telah berjaya diselesaikan adalah seperti isu lambakan pisang tanduk di daerah Muar dan lambakan tembikai di daerah Mersing yang berlaku semasa pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) pada bulan April yang lalu. Penglibatan dan maklumbalas para petani di lapangan adalah amat penting bagi memastikan setiap isu berkaitan aktiviti pertanian dapat dikenalpasti dan diselesaikan dengan kaedah dan pendekatan yang terbaik.

**Program Penemusuan dan Kolaborasi** merupakan salah satu langkah yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian yang mana bertujuan untuk memperluaskan jaringan pemasaran pemain industri pertanian di samping menambah dan berkongsi pengetahuan serta teknologi memandangkan kebergantungan sesama mereka selain kelangsungan bekalan di pasaran tempatan mahupun eksport. Di dalam program ini, permintaan dan penawaran oleh pengeluar atau penanam bersama pihak industri ditemukan di bawah satu platform bagi memberi peluang kepada mereka melaksanakan pepadanan perniagaan serta mendapatkan persetujuan dalam pembekalan secara kontrak. Di sini penilaian dari segi kualiti, kuantiti serta harga yang munasabah dimetrai dengan persefahaman di antara kedua-dua belah pihak bagi menggalakkan *win-win situation*. Sebagai contoh, Syarikat Noralam telah dipilih sebagai salah satu syarikat peneraju dan dijangka mampu memasarkan produk petani setempat dibawahnya terutama yang bermasalah dari segi pemasaran dan harga semasa. Penglibatan sebegini dilihat dapat membantu petani-petani kecil dalam memasarkan produk pertanian disamping membuka ruang dan peluang yang lebih luas kepada petani dalam meningkatkan hasil pengeluaran dan pendapatan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**  
**SOALAN 27 (A62)**

Berapakah Peranti (PRE 3.0) yang telah diedarkan kepada sekolah-sekolah di setiap daerah?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG**

Pendidikan Negeri Johor sebagai penerima Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Johor (PRE 3.0) dan setakat ini kerajaan negeri bersetuju memperuntukan sebanyak 8,000 unit peranti (komputer riba) termasuk talian internet bernilai RM25 juta untuk 283 sekolah menengah di negeri Johor. Pengagihan akan dibuat berdasarkan jumlah peranti dengan jumlah sekolah yang dianggarkan 27 buah bagi setiap sekolah (penelitian lanjut akan dibuat merujuk jumlah murid peperiksaan). Murid yang layak menerima adalah dalam kalangan keluarga B40/berkeperluan dan proses serahan kepada jabatan ini masih dalam tindakan lanjut kerajaan negeri.

Jabatan Pendidikan Negeri sedia maklum berkaitan sumbangan (komputer riba, tablet dan data internet) pelbagai pihak melibatkan Yayasan Raja Zarith Sofiah, Ahli Parlimen, ADUN, NGO, Syarikat dan individu bagi meringankan beban ibu bapa/penjaga bagi melaksanakan PdPR. Jabatan mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha pelbagai pihak yang sentiasa prihatin membantu penyelesaian isu peranti dan defisit pembelajaran.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)**  
**SOALAN 28 (A54)**

Akibat pandemik Covid-19, berapa kilang telah berhenti beroperasi di Negeri Johor?

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)**  
**SOALAN 29 (A185)**

Berapa banyak jumlah kilang dan syarikat terutama syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) ditutup sejak Pandemik COVID-19 bermula Mac 2020 sehingga Jun 2021?

**JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD**

Izinkan saya menjawab persoalan Yang Berhormat Tenggaroh dan Yang Berhormat Parit Yaani secara bersekali kerana ianya berkaitan.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hasil laporan dari MIDA Johor setakat Julai 2021. Negeri Johor sehingga kini tidak mencatatkan pelaburan keluar mahupun operasi kilang yang ditamatkan atas sebab tersebut. Majoriti dari kilang-kilang yang beroperasi dilihat terpaksa mengurangkan jumlah pekerja atau diarah berhenti sementara bagi mematuhi S.O.P yang ditetapkan oleh kerajaan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun begitu, sekiranya situasi ini berterusan, tidak dapat dinafikan akan ada kilang yang terpaksa memberhentikan operasi mereka atau tutup kerana tidak mampu lagi meneruskan operasi serta menanggung kerugian yang tinggi.

Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Parit Yaani mengenai statistik PKS yang terkesan di negeri Johor sepanjang tempoh Pandemik COVID19 melanda dan berdasarkan laporan yang diterima dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Bermula Januari 2020 sehingga Jun 2021, terdapat 26,651 perniagaan ditutup di dalam Negeri Johor. Manakala bagi jumlah syarikat tempatan ditutup adalah sebanyak 2,119 buah syarikat dan sejumlah 172 buah syarikat yang melibatkan perkongsian liabiliti terhad.

Perincian statistik mengikut daerah, perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas akibat pandemik Covid-19 tidak dapat disediakan memandangkan data yang diperolehi tidak menumpu ke arah itu malah jumlah yang terjejas dinyatakan secara umum. Berdasarkan kaji selidik pihak SME Corp kira-kira 170,000 usahawan yang melibatkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), mikro dan koperasi seluruh negara terjejas ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana wabak koronavirus (COVID-19).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)**  
**SOALAN 30 (A50)**

Nyatakan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor dalam mengatasi masalah pendapatan yang terjejas teruk oleh sektor pelancongan terutama kepada perhotelan, homestay dan chalet ?

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)**  
**SOALAN 31 (A53)**

Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menjaga pemain-pemain dalam sektor pelancongan untuk terus kekal dalam bisnes akibat pandemik Covid-19 ini?

**JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**  
**(Jawapan bersekali untuk soalan A50 & A53)**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana telah memberikan saya peluang untuk menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Machap dan Yang Berhormat Tenggaroh.

Adalah tidak dinafikan lagi bahawa sektor pelancongan merupakan sektor yang paling teruk terjejas sejak bermulanya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020. Situasi semakin lama semakin pulih bagaikan cahaya di hujung terowong apabila Kerajaan Persekutuan mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 1 Mei 2020 dan seterusnya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 7 Jun 2020. Ini menyaksikan sektor pelancongan domestik kembali rancak dan usaha kerajaan negeri berfokus kepada menarik pelancong dalam negara sementara menunggu pembukaan sempadan negara ini.

Bak pepatah, Sirih Naik, Junjungan Patah, negara kita kembali melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan pada 12 Mei 2021 sejajar dengan peningkatan kes harian Covid-19. Tempoh yang mencabar ini semestinya memberikan kesan kepada seluruh pemegang taruh industri dari hotel-hotel yang besar sehingga pengusaha homestay dan chalet. Saya percaya bahawa pandemik yang telah berterusan selama setahun ini, menyaksikan kebanyakan pemilik premis mahupun agensi pelancongan telah mula menggunakan wang 'reserve' bagi memastikan kelangsungan hidup bagi majikan dan pekerja-pekerjanya.

### **JOHOR BERKEBAJIKAN**

Adalah menjadi kewajipan Kerajaan Johor dibawah Pimpinan YAB Menteri Besar untuk melihat pelbagai kaedah bagi membantu sektor pelancongan dalam usaha untuk memastikan sektor ini kekal bertahan sehingga keadaan pulih seperti sedia kala. Dewan yang mulia ini telah menyaksikan pengumuman YAB Menteri Besar memperuntukkan RM 5 Juta dibawah agenda Johor Berkebjakan dan melalui agenda ini, bantuan-bantuan khas telah diumumkan. Perincian Bantuan Khas bagi Penganjur Industri Pelancongan adalah seperti berikut :

- i. **Insentif khas kepada pemandu pelancong, sebanyak RM1,000** kepada 566 orang melibatkan kos sebanyak RM640,000.00

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

- ii. **Insentif khas kepada syarikat agensi pelancongan, sebanyak RM2,000** kepada 130 buah syarikat, dengan kos sebanyak RM260,000.00
- iii. **Bantuan kepada persatuan pelancongan, sebanyak RM20,000** setiap Persatuan Pelancongan kepada 16 buah persatuan dengan kos sebanyak RM320,000.00
- iv. **Pengecualian pembayaran duti hiburan** bagi taman-taman tema dan pusat hiburan keluarga yang dianggarkan berjumlah RM3Juta.
- v. **Pengecualian pembayaran lesen perniagaan** kepada pemilik syarikat pelancongan dan hotel yang melibatkan anggaran kos sebanyak RM894,211.00

Bukan itu sahaja Yang Berhormat Speaker, pada 10 Jun 2021, YAB Menteri Besar telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE 3.0) dengan bantuan khas sebanyak RM1.745Juta dan perincian bantuan adalah seperti berikut:

- i. Pemberian insentif **One-Off RM2,000.00 kepada pengusaha hotel bajet** di negeri Johor yang berdaftar dengan Persatuan MyBha Johor.
- ii. Pemberian insentif **One-Off RM1,000.00 kepada pengusaha homestay dan chalet** yang berdaftar dengan persatuan di Johor.
- iii. Pemberian insentif **One-Off RM1,000.00 kepada agensi pelancongan** yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).
- iv. Pemberian insentif **One-Off RM1,000.00 kepada pemandu pelancong** berlesen yang berdaftar dengan persatuan pemandu pelancong di negeri Johor.
1. Kerajaan Negeri faham bahawa insentif one-off ini bukan penyelesaian jangka masa yang panjang. Namun, alhamdulillah, di bawah Iskandar Regional Development Authority (IRDA), terdapat satu program subsidi upah "Iskandar Malaysia Employment Grant" untuk membantu meringankan beban industri.

#### **BANTUAN PERSEKUTUAN (MOTAC)**

MOTAC juga turut menzahirkan keprihatinan dalam usaha melaksanakan Pelan Pemulihan Pelancongan dan seterusnya menjadi faktor ke arah menormalisasikan aktiviti perjalanan dan pelancongan antarabangsa. Antara bantuan melalui Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) termasuklah :-

- i. **Pelanjutan diskaun bil elektrik sebanyak 10%** bagi bulan Oktober hingga Disember 2021 kepada pengendali hotel, taman-taman tema, pusat konvensyen, pusat beli-belah, pejabat syarikat pelancongan tempatan serta agensi pengembaraan dan pelancongan.
- ii. Pemberian insentif **one-off sebanyak RM3,000.00 kepada lebih 5,300 agensi pelancongan** yang berdaftar dengan MOTAC.
- iii. **Penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan bulanan** kepada syarikat dan mengecualikan cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan kepada pengendali hotel sehingga akhir tahun 2021.

Insha Allah, Kerajaan Negeri yakin bahawa insentif-insentif ini dapat memberikan sedikit sebanyak manfaat dan kelegaian bagi meringankan beban semua penggiat industri pelancongan yang terkesan secara langsung semasa pandemik Covid-19 serta sentiasa meletakkan keutamaan kepada kebajikan Bangsa Johor khususnya sektor pelancongan negeri ini.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**USAHA DALAM MEMASTIKAN SEKTOR PELANCONGAN JOHOR KEKAL BERDAYA SAING**

Selain pemberian insentif kepada golongan yang terjejas, walaupun aktiviti pelancongan tidak dibenarkan, Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor telah mengambil langkah proaktif secara berterusan dengan mempromosikan produk dan destinasi pelancongan 10 daerah melalui medium sosial media (pemasaran digital) dan menerusi kempen “Yok Round Johor” bagi mempromosikan pelancongan dalam negeri, penyiaran video Majestic Johor di rancangan Astro Ria serta memperkasakan pengisian / content di media sosial rasmi Tourism Johor bagi mengekalkan kesedaran tentang produk-produk pelancongan di dalam negeri Johor.

Tourism Johor telah membangunkan sebuah platform digital iaitu Johor Tourism Interchange (JTI) yang menghubungkan semua pemilik produk, pengusaha pelancongan dan pemain industri di bawah satu platform digital. Pada masa yang sama mengumpul data-data berkaitan pelancongan untuk kegunaan perancangan negeri pada waktu akan datang.

Malahan, Tourism Johor turut melaksanakan pembangunan modal insan melalui penganjuran kursus pengukuhan pemandu pelancong (Upskilling Course) serta Program ‘Business Networking Session with MITA’ bersama Persatuan MITA secara dalam talian.

Melalui norma baharu ini, inisiatif mewujudkan Sijil Piawaian Keselamatan Pelancongan Johor (Johor Tourism Safety Standard – JTSS) juga antara usaha Tourism Johor dengan usaha sama Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Jabatan Bomba Negeri Johor bagi memperakukan produk pelancongan mengenai tahap keselamatan yang dipraktikkan serta mengadaptasi norma baharu dengan mengutamakan faktor kebersihan di setiap hotel negeri Johor mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Sebagai persediaan negeri Johor dalam usaha menyambut tetamu dari luar khususnya Singapura, sukacita saya ingin menyatakan bahawa JTSS akan diperhebatkan lagi dengan mengambil kira SOP “Singapore Clean Campaign”. Saya percaya, kita akan mewujudkan “confidence” bukan hanya untuk pelancong malah pelabur-pelabur asing.

Di samping itu, kerajaan juga menggalak dan menyokong usaha penggiat industri bagi strategi promosi seperti tawaran pakej-pakej menarik seperti pakej diskaun kepada ‘frontliner’, penjawat awam, dan orang awam dengan mengadaptasi norma baharu seperti keselamatan, kebersihan, kesihatan dan pematuhan kepada SOP contohnya pakej Work From Home From Hotel selain pengoperasian sektor perhotelan sebagai pusat kuarantin, serta mempergiatkan industri acara perniagaan. Pusat membeli-belah dijadikan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) mega seperti Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Pusat Konvensyen Antarabangsa Austin (AICC) dan South Key Midvalley Johor Baru dan PPV Pusat Persidangan Desaru Coast. Ini sebagai usaha memastikan peningkatan pendapatan pengusaha secara konsisten.

Namun begitu, sikap seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing perlu dielakkan, sebaliknya sikap ke bukit sama-sama didaki ke lurah sama-sama dituruni perlulah diamalkan bersama pelbagai agensi seperti Tourism Malaysia, MOTAC, pemegang taruh yang lain seperti persatuan pelancongan, pemandu pelancong, persatuan hotel, homestay bagi memperkasakan sektor pelancongan Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)**  
**SOALAN 32 (A101)**

Sila nyatakan sejauh manakah kejayaan yang kerajaan capai dalam Program Tahun Melawat Johor 2020?.

**JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Kempas atas soalan yang telah dikemukakan

Manusia merancang, Allah tetap sebaik-baik perancang. Sememangnya menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Tahun 2020 sebagai Tahun Melawat Johor. Terlalu banyak yang Johor mampu tonjolkan, bukan sekadar pesisir pantai yang cantik bak mutiara mahupun pulau-pulau yang setanding Maldives atau gunung-gunung yang tinggi dengan keindahan flora dan fauna. "We have it all". Jikalau saya ingin menyenaraikan keindahan dan "Majestic"nya Johor ini, saya percaya, masa yang diberikan oleh Yang Berhormat Speaker tidak mencukupi.

Walau bagaimanapun, selepas peralihan kerajaan pada Mac 2020, kerajaan sedia ada ini terikat dengan pandemik Covid-19. Sebagaimana Yang Berhormat Kempas sedia maklum, pandemik ini telah memberikan kesan kepada industri pelancongan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Penutupan sempadan negara di antara Johor Bahru dan Singapura telah menyaksikan pintu sempadan paling sibuk di dunia menjadi sunyi sepi. Ini adalah realiti yang perlu dihadapi oleh sektor pelancongan negeri ini.

Walaupun kita dilanda badai umpama duduk dalam duri yang banyak, bersandar di batang rengas, usaha memperkasakan sektor pelancongan negeri Johor tidak pernah terhenti. Untuk memastikan sektor ini terus mempunyai ketahanan, pelbagai bantuan insentif telah diumumkan oleh YAB Menteri Besar melalui Belanjawan 2021 dan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE 3.0) sebagaimana yang telah saya jawab kepada Yang Berhormat Machap dan Yang Berhormat Tenggaroh.

**TAHUN MELAWAT JOHOR 2020**

Hakikatnya, program Tahun Melawat Johor ini harus diteruskan lagi dan adalah menjadi rancangan kerajaan negeri untuk melanjutkan Tahun Melawat Johor ini sehingga tahun hadapan selari dengan cadangan penganjuran SUKMA.

Oleh yang demikian, adalah menjadi fokus kerajaan negeri untuk terus memartabatkan sektor pelancongan bukan sekadar khusus bagi penganjuran Tahun Melawat Johor.

**WAYFORWARD MAJESTIC JOHOR**

Kerajaan Negeri melihat kepada perancangan melangkaui batasan program Tahun Melawat Johor, perancangan demi perancangan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor melalui Tourism Johor akan terus komited dalam melaksanakan pelbagai usaha rehabilitasi sektor pelancongan bagi memperkukuhkan jenama Majestic Johor. Sebanyak RM 14 Juta di bawah Majestic Johor dengan fokus mempromosikan destinasi pelancongan utama di 10 daerah

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

negeri Johor yang mempunyai pelbagai keunikan dan keistimewaan tersendiri sebagai 'unique selling point' dan memperlihatkan negeri Johor mampu bangkit semula 'rise up' menjadi pilihan destinasi pelancongan utama atau top-of-mind-destination serta selamat dikunjungi.

Ini dapat diperlihatkan apabila Desaru yang telah diiktiraf sebagai salah satu daripada 100 Destinasi Terbaik Dunia sebagai tumpuan destinasi percutian pantai (World's Greatest Places by Time Magazine) yang menawarkan hotel serta resort bertaraf dunia dan eksklusif. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

Bukan itu sahaja, saya dengan bangga ingin menyatakan dalam dewan yang mulia ini bahawa Johor tetap berada di ranking no 3 (pilihan pengunjung di platform Traveloka). Syukur alhamdulillah, usaha-usaha kerajaan negeri menampakkan hasil walaupun kita berada dalam keadaan pandemik.

Susulan itu, Kempen "Yok Round Johor" yang telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Johor pada 18 Mac 2021 di Rumah Citra Pinang Benut dibuat bagi menggalakkan pelancongan tempatan melancong di dalam negeri Johor. Kempen ini dapat menggalakkan pelancong domestik untuk melancong di dalam negeri dan daerah di dalam Johor dengan memperkenalkan serta mempromosikan produk dan pusat pelancongan tempatan yang berada di daerah-daerah di negeri Johor.

#### **USAHA TRAVEL CORRIDOR**

Selain dari hanya melihat usaha untuk menarik pelancong domestik, sukacita juga saya ingin memaklumkan kepada sidang dewan sekalian bahawa kerajaan negeri dalam proses perbincangan dengan dua buah negara bagi melaksanakan program "travel corridor".

Pada 30 Mac 2021 yang lepas, saya telah berbincang dengan wakil Senai Airport, wakil IRDA dan Wakil Jin Air bagi melihat kemungkinan kita membuka sektor pelancongan kita kepada pelancong Korea. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa perincian perancangan ini telah disediakan dan kita masih menunggu untuk "the right timing" bagi melancarkan program ini.

Kerajaan Negeri juga telah berbincang dengan Kerajaan Singapura melalui Singapore Tourism Board pada 5 Ogos 2021 dalam usaha dua hala kita untuk melihat kemungkinan "Travel Corridor" bagi membuka sektor-sektor tertentu kepada pelancong Singapura.

Semestinya menjadi kewajipan kerajaan negeri untuk memperhalusi SOP sebelum kita mengambil apa jua langkah dalam membuka sektor pelancongan negeri Johor.

#### **MEDIA SOSIAL**

Tidak dinafikan lagi bahawa media sosial memainkan peranan penting dalam proses pemasaran produk-produk pelancongan negeri ini. Kerajaan negeri melalui Tourism Johor dalam proses menyediakan video-video marketing sebagai langkah memastikan Johor kekal sebagai destinasi pilihan bagi pelancong domestik dan antarabangsa.

Usaha ini juga dimantapkan lagi dengan strategi promosi tempat-tempat tumpuan pelancongan di semua platform media sosial Tourism Johor. Jikalau Yang Berhormat sekalian ingin mencari kedai makan mana yang menarik selepas sidang dewan ini, saya mengesyorkan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

Yang Berhormat lawat Facebook atau Instagram Tourism Johor. Pasti akan ada yang membuatkan Yang Berhormat sekalian terliur.

**PEMBANGUNAN PRASARANA KEMUDAHAN PELANCONGAN**

Kerajaan negeri juga giat membangun dan menaik taraf prasarana pelancongan di dalam negeri Johor. "We will always be ready" untuk menyambut tetamu dengan gaya Johor. Masa "downtime" ini telah digunakan sebaik mungkin oleh Kerajaan Negeri untuk menceriakan "rumah" kita ini.

Terdapat 28 projek semua sekali yang telah dirancang dan antara projek yang sedang dilaksanakan adalah kemudahan pelancongan, jeti dan lapangan tempat kereta di daerah Muar, pemasangan mercu tanda pelancongan dan kerja percahayaan di beberapa lokasi pelancongan di daerah Mersing, menaiktaraf pusat informasi pelancongan (TIC) di daerah Kota Tinggi dan beberapa lokasi lain.

Di samping itu, sebanyak RM 40 Juta melibatkan 29 projek telah diperuntukkan untuk menaik taraf Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) selain menambah baik fasiliti Kompleks Imigresen Sultan Abu Bakar Johor. Kerja-kerja yang telah dilaksanakan termasuklah:

1. Menaiktaraf bumbung laluan pejalan kaki di Zon Dewan Pemeriksaan Bas.
2. Menutup penutup longkang di sekitar Dewan Pemeriksaan Bas.
3. Kerja-kerja menaiktaraf Dewan Pemeriksaan Bas.
4. Kerja-kerja mengecat keseluruhan kompleks.
5. Menaik taraf tandas kakitangan termasuk Sistem Perpaipan Domestik dan lain-lain kerja yang berkaitan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)**

**SOALAN 33 (A39)**

Apakah kaedah pemilihan yang diamalkan dan siapakah yang terlibat di dalam menentukan nama-nama penerima vaksin bagi negeri Johor amnya dan daerah Tangkak khususnya?

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

Kaedah pemilihan penerima vaksin Covid adalah berdasarkan penduduk yang telah berdaftar di aplikasi MySejahtera.

Pada fasa 2, golongan warga emas, berpenyakit dan orang kelainan upaya diutamakan. Pasukan MySejahtera akan blast nama dengan memberi temujanji di PPV tertentu dengan mendahulukan golongan warga emas, berpenyakit dan orang kelainan upaya.

Mereka ini dinasihatkan untuk sentiasa mengemas kini aplikasi MySejahtera agar temu janji yang diberi dipatuhi untuk mengelakkan kesesakan di PPV .

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)**

**SOALAN 34 (A90)**

Mengapakan pihak Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat menolak cadangan Pejabat Adun Yong Peng bagi melaksanakan program saringan Covid-19 berkelompok untuk orang awam?

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

Jabatan Kesihatan tidak menyokong program yang dicadangkan kerana pengujian massa sangat tidak praktikal, memerlukan belanja yang tinggi dan selalunya tiada impak besar ke atas penularan. Di antara kesan negatif yang dilihat:

- i. Melambatkan keputusan kerana bilangan ujian yang tinggi
- ii. Banyak **false negatives** kerana tempoh pengeraman yang lama
- iii. Pengumpulan orang yang ramai menyumbang kepada penularan di lokasi pengujian

Jabatan Kesihatan telah melaksanakan strategi pengujian yang lebih tepat iaitu pengujian secara bersasar, khususnya di kalangan mereka yang berisiko. Justeru, dikhuatiri program yang dirancang oleh pihak tuan akan mengganggu aktiviti sedia ada di lapangan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**

**SOALAN 35 (A136)**

Mohon dinyatakan prestasi kilang dalam mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan tindakan yang telah diambil kepada pihak yang ingkar.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Berdasarkan statistik yang diberikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) dan Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), sepanjang tahun 2021, sebanyak 6,082 (83.92%) kilang dan sebanyak 56,080 (46.05%) premis perniagaan telah diperiksa di Negeri Johor.

Dari jumlah tersebut, sebanyak 14,176 kompoun telah dikeluarkan dan 26 kilang / premis telah diarahkan tutup.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 36 (A140)**

Apakah inisiatif yang diambil pihak kerajaan untuk menyelesaikan pembelajaran pelajar autisme memandangkan kelas dalam talian kurang berkesan untuk mereka?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG**

Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas Johor, Jabatan Pendidikan Negeri Johor di bawah Sektor Pendidikan Khas dengan kerjasama Pusat Perkhidmatan Pendidikan negeri-negeri lain telah berusaha menyediakan panduan berbentuk video pada setiap minggu kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang memerlukan sokongan penuh (*Austism / Attention Deficit Hyperactivity Disorder / Globa / Development Delay / Down Syndrome*) dan sebagainya.

Topik-topik seperti 5 jenis bantuan, panduan kemahiran kefahaman dan penghasilan bahasa / pertuturan, penggunaan bahan bantu visual, latihan ke tandas, kemahiran menulis, pengurusan tingkah laku dan lain - lain lagi telah diusahakan bukan sahaja untuk panduan guru tetapi juga kepada ibu bapa bagi membantu mereka membantu anak-anak meminimakan masalah pembelajaran yang dihadapi.

Pautan video telah dimuatnaik ke dalam *facebook* rasmi Sektor Pendidikan Khas, Instagram rasmi Sektor Pendidikan Khas dan Portal Rasmi Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Pautan ini boleh ditonton oleh guru, murid dan ibu bapa/penjaga dan telah disebar luas ke seluruh daerah Negeri Johor.

Selain itu, Rancangan Pendidikan Individu (RPI) diteruskan oleh guru kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang mampu mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) agar mereka tidak ketinggalan dan sentiasa mendapat akses pendidikan sewajarnya.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)**

**SOALAN 37 (A196)**

Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Johor (PREINJ) 3.0 mengumumkan pembelian RTK-antigen kit untuk menjalankan ujian saringan bersasar. Sebanyak 190,000 unit dari SUK dan 80,000 unit dari MBBJ, MBIP dan MBPG? Apakah status ujian saringan bersasar tersebut?

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)**

**SOALAN 38 (A170)**

Nyatakan bilangan Covid-19 RTK-Antigen test kit yang diperolehi Kerajaan Negeri Johor melalui PRE 3.0 dan dimanakah test kit tersebut digunakan?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**

**SOALAN 39 (A207)**

Nyatakan kos pembelian, cara pelaksanaan dan tempat pengedaran bagi 190,000 unit Kit Ujian Pantas (RTK) Antigen yang dibeli oleh Pihak Kerajaan Negeri dan MBBJ, MBIP dan MBPG bagi menyokong usaha ujian saringan bersasar.

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

(Jawapan bersekali untuk soalan A196, A170 & A207)

Pihak Kerajaan Negeri telah melaksanakan pembelian RTK Antigen melalui tatacara perolehan Darurat. Melalui tatacara tersebut beberapa kajian pasaran telah dibuat bagi memastikan kerajaan negeri mendapat harga yang menguntungkan. Berikut adalah senarai pembekal yang telah disemak bagi kajian pasaran pembelian RTK Antigen kit dan Saliva kit sebagaimana di **Lampiran B**.

Hasil daripada kajian pasaran yang dibuat, telah dilantik 2 pembekal bagi RTK Antigen Kits dan 1 Syarikat bagi RTK Saliva Kits yang telah menepati syarat-syarat perolehan darurat. Berikut adalah senarai pembekal yang dilantik sebagaimana di **Lampiran C**. Harga yang ditawarkan adalah selepas proses rundingan harga dijalankan.

Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) telah dilantik sebagai jabatan pelaksana yang akan mengedarkan RTK Antigen Kit dan RTK Saliva Kit kepada Pejabat Kesihatan Daerah seluruh negeri Johor. Berikut adalah agihan pembahagian RTK Antigen dan RTK Saliva yang telah dibuat oleh JKNJ sebagaimana di **Lampiran D**.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

## Lampiran B

RTK Antigen Kit

Bil	Nama Syarikat	Nama Rapid Test Kit (RTK) – Antigen COVID-19	SSM	MOF	IMR	MDA	Bank Statement	Harga per set Rapid Test Kit (RM)	Catatan
1	Medicara Sdn. Bhd.	Jinwofu Novel Coronavirus (SARS-CoV-2) Antigen Rapid Test Kit	1269503-X	357-0002290564	IMR/ID RC/VIR O(SA)/2301/23/01 (79)	MDA.60 0-3/1/12 Jilid 60	Ada	22.00	Boleh dipertimbangkan kerana mempunyai kelulusan MDA dan IMR serta dokumentasi yang lengkap
2	Azion Healthcare	Kit Ujian Rapid JINWOFU CORONAVIRUS (SARS-CoV-2)	1060342-H	357-0002332997	TIDRE C @ Universiti Malaya	MDA-0439-WDP43919	Ada	19.00	Boleh dipertimbangkan kerana mempunyai kelulusan MDA dan IMR serta dokumentasi yang lengkap
3	Accobiotech Sdn. Bhd.	Acco Rapi Test Kit – Covid-19 (Antigen)	201604024687 (1195626-H)	357-0002329246	TIDRE C @ Universiti Malaya	(7) MDA.60 0.3/1/22 Jld.5/	Ada	24.00	Dokumentasi yang dilampirkan tidak merujuk kepada nama syarikat. Dokumentasi SSM dan MOF merujuk kepada syarikat The Pine Villa Sdn. Bhd.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

Bil	Nama Syarikat	Nama Rapid Test Kit (RTK) – Antigen COVID-19	SSM	MOF	IMR	MDA	Bank Statement	Harga per set Rapid Test Kit (RM)	Catatan
4	Mediven Innovation Ventures Sdn. Bhd. (MEDIVEN)	ProDetect Covid-19 Antigen Rapid Test (RTK-Ag)	988633-U	357-02233274	IMR/ID RC/VIRO(SA)/2301/23/01(42)	(1) dlm.MDA .600-3/1/12 Jilid 45	Ada	16.50	Boleh dipertimbangkan kerana mempunyai kelulusan MDA dan IMR serta dokumentasi yang lengkap
5	The Lavis Company	Rapit Test Kit – Covid-19 (Antigen)	Tiada dokumen sokongan untuk jawatankuasa teknikal menilai syarikat serta produk tersebut					16.00	Tiada dokumen sokongan untuk jawatankuasa teknikal menilai syarikat serta produk tersebut
6	Primer Diagnostics Sdn. Bhd.	Ecotest Covid-19 Antigen RTK	418602-U	357-00041892	NPRA Technical Report	(3) dlm.MDA .600-3/1/12 Jilid 45	Ada	18.00	Boleh dipertimbangkan kerana mempunyai kelulusan MDA dan IMR serta dokumentasi yang lengkap

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

## Lampiran B

Bil	Nama Syarikat	Nama Rapid Test Kit (RTK) – Antigen COVID-19	SSM	MOF	IMR	MDA	Bank Statement	Harga per set Rapid Test Kit (RM)	Catatan
7	Diagnostic Systems (M) Sdn.Bhd.	Roche SARS-CoV-2 Rapid Antigen Test Kits	19980 10013 35 (45746 1-X)	357- 00043 933	IMR/I DRC/ VIRO (SA)/ 2301/ 23/01 (45)	(3) d/m.MDA.6 00-3/1/12 Jilid 45	Ada	23.00	Produk Roche SARS-CoV-2 Rapid Antigen Test Kit tiada kelulusan MDA dan IMR
8	Hyperion Sdn. BHD.	Natejah COVID-19 Antigen Rapid Test (Swab)	20200 10325 92 (13889 13-X)	357- 00023 8549	TIDR EC @ Unive rsiti Malay a	(13) d/m.MDA.6 00-3/1/12 Jilid 64	Ada	19.50	Kod Bidang MOF Syarikat adalah tidak berkaitan dengan pembekalan barangan perubatan

RTK Saliva Kit

Bil	Nama Syarikat	Nama Rapid Test Kit (RTK) – Antigen COVID-19	SSM	MOF	IMR	MDA	Bank Statement	Harga per set Rapid Test Kit (RM)	Catatan
1	Dewina Consult Sdn. Bhd.	Newgene Bioengineering COVID-19 Antigen Home Self Detection kit For Sputum Sample (Saliva)	19980 10127 73	357- 00023 08478	IMR/I DRC/ VIRO (SA)/ 2301/ 23/01 (131)	MDA-1660- WDP121	Ada	48.00	Boleh dipertimbangkan kerana mempunyai kelulusan MDA dan IMR serta dokumentasi yang lengkap

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

## Lampiran C

**RTK Antigen Kits (Harga adalah selepas proses rundingan harga)**

Bil	Nama Syarikat	Nama Rapid Test Kit (RTK) – Antigen COVID-19	Harga per set Rapid Test Kit (RM)	Cadangan Pembelian	Jumlah (RM)
1.	Mediven Innovation Ventures Sdn. Bhd. (MEDIVEN)	ProDetect Covid-19 Antigen Rapid Test (RTK-Ag)	15.50	70,000	1,085,000.00
2.	Primer Diagnostics Sdn. Bhd.	Ecotest Covid-19 Antigen RTK	16.30	60,000	978,000.00
<b>JUMLAH</b>				<b>130,000</b>	<b>2,063,000.00</b>

**RTK Saliva Kits (Harga adalah selepas proses rundingan harga)**

Bil	Nama Syarikat	Nama Rapid Test Kit (RTK) – Antigen COVID-19	Harga per set Rapid Test Kit (RM)	Cadangan Pembelian	Jumlah (RM)
1.	Dewina Consult Sdn. Bhd.	Newgene Bioengineering COVID-19 Antigen Home Self Detection kit For Sputum Sample (Saliva)	45.00	50,000	2,250,000.00
<b>JUMLAH</b>				<b>50,000</b>	<b>2,250,000.00</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

Lampiran D

**Maklumat Agihan RTK Antigen dan RTK Saliva**

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>RTK Antigen</b>	<b>RTK Saliva</b>
1.	Johor Bahru	60,000	8,000
2.	Muar	9,000	6,000
3.	Batu Pahat	8,000	4,000
4.	Segamat	8,000	4,000
5.	Kluang	9,000	5,000
6.	Kota Tinggi	8,000	5,000
7.	Pontian	6,000	3,000
8.	Mersing	6,000	3,000
9.	Tangkak	9,000	6,000
10.	Kulai	7,000	6,000
<b>JUMLAH</b>		<b>130,000</b>	<b>50,000</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)**

**SOALAN 40 (A186)**

Berapakah jumlah peruntukan dan bilangan kerja yang telah dilaksanakan di kampung-kampung di setiap daerah bagi tahun 2021 sehingga bulan Jun?

**JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI**

Untuk makluman, projek-projek di kawasan luar bandar bagi negeri Johor membabitkan pelbagai peruntukan seperti Belanjawan Persekutuan melalui Rolling Plan, RMKe-12, Peruntukan PEMERKASA daripada Kementerian Kewangan bagi projek berskala kecil di luar bandar dan Belanjawan Pembangunan Negeri. Bagi tahun 2021 **anggaran** peruntukan yang diagihkan kepada kawasan luar bandar mengikut daerah sebagai contoh adalah Projek di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), projek bagi Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA), projek bagi Program Bantuan Rumah (PBR) dan juga Projek Pembangunan Ekonomi Inklusif adalah seperti berikut:

**Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB):**

Sehingga Jun 2021, sebanyak 97 projek merangkumi projek Jalan Perhubungan Desa dan Program Ameniti Sosial (PAMS) telah dikeluarkan untuk pelaksanaan di Negeri Johor dengan menggunakan peruntukan pembangunan tahun semasa dan peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi PEMERKASA.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)**

BIL.	DAERAH	JALAN PERHUBUNGAN DESA/ JALAN LADANG		PROGRAM AMENITI SOSIAL		JUMLAH	
		BIL.	RM	BIL.	RM	BIL.	RM
1.	TANGKAK	3	240,000	1	100,000	4	340,000
2.	SEGAMAT	2	370,000	2	340,000	4	710,000
3.	MUAR	10	975,000	1	100,000	11	1,075,000
4.	BATU PAHAT	26	3,160,000	2	170,000	28	3,330,000
5.	KLUANG	8	726,000	5	1,146,000	13	1,872,000
6.	MERSING	5	352,000	15	3,000,000	20	3,352,000
7.	KOTA TINGGI	4	320,000	2	200,000	6	520,000
8.	KULAI	1	200,000	0	0	1	200,000
9.	PONTIAN	8	810,000	2	250,000	10	1,060,000
<b>JUMLAH</b>		<b>67</b>	<b>7,153,000</b>	<b>30</b>	<b>5,306,000</b>	<b>97</b>	<b>12,459,000</b>

**Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA):**

BIL	AGENSI PELAKSANA	JUMLAH PERMOHONAN PIA/PIAS/LUAR BANDAR	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	PEJABAT DAERAH JOHOR BAHRU	17	1,700,000.00
2	PEJABAT DAERAH MUAR	19	1,820,000.00
3	PEJABAT DAERAH BATU PAHAT	43	2,000,000.00
4	PEJABAT DAERAH KLUANG	19	1,050,000.00
5	PEJABAT DAERAH SEGAMAT	34	2,000,000.00
6	PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI	18	1,400,000.00
7	PEJABAT DAERAH MERSING	29	2,000,000.00



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

BIL	AGENCI PELAKSANA	JUMLAH PERMOHONAN PIA/PIAS/LUAR BANDAR	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
8	PEJABAT DAERAH PONTIAN	22	1,400,000.00
9	PEJABAT DAERAH KULAI	24	2,000,000.00
10	PEJABAT DAERAH TANGKAK	26	1,780,000.00
<b>JUMLAH PEJABAT DAERAH</b>		<b>251</b>	<b>17,150,000.00</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN PERMOHONAN PEMERKASA - PROJEK BERSKALA KECIL 2021</b>		<b>290</b>	<b>20,000,000.00</b>

**Program Bantuan Rumah (PBR):**

Bina Baru (RM65,000.00) &amp; Baik Pulih (RM 15,000) + KOS EKSTREM

BIL.	JABATAN / AGENSI	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
i.	Pejabat Daerah Johor Bahru	10 (Bina Baru) 8 (Baik Pulih)	840,000.00
ii.	Pejabat Daerah Muar	16 (Bina Baru) 13 (Baik Pulih)	1,235,000.00
iii.	Pejabat Daerah Segamat	11 (Bina Baru) 10 (Baik Pulih)	887,000.00
iv.	Pejabat Daerah Batu Pahat	16 (Bina Baru) 8 (Baik Pulih)	1,304,000.00
v.	Pejabat Daerah Kluang	2 (Bina Baru) 1 (Baik Pulih)	152,760.00
vi.	Pejabat Daerah Pontian	10 (Bina Baru) 10 (Baik Pulih)	900,000.00
vii.	Pejabat Daerah Kota Tinggi	5 (Bina Baru) 4 (Baik Pulih)	385,000.00
viii.	Pejabat Daerah Mersing	9 (Bina Baru) 9 (Baik Pulih)	750,000.00
ix.	Pejabat Daerah Tangkak	12 (Bina Baru) 18 (Baik Pulih)	1,110,000.00
x.	Pejabat Daerah Kulai	4 (Bina Baru) 7 (Baik Pulih)	383,800.00
<b>Jumlah</b>		<b>7,947,560.00</b>	

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**Projek Pembangunan Ekonomi Inklusif:**

BIL.	JABATAN AGENSI /	NAMA PROJEK	DAERAH	KOS 2021
1	Pejabat Daerah Johor Bahru	Baik Pulih JKKK Kg Sungai Tiram	Johor Bahru	300,000.00
2	Pejabat Daerah Muar	Membina Pusat Pembangunan Ekonomi Sungai Balang	Muar	290,582.80
3	Pejabat Daerah Segamat	Menaik Taraf Pasar Tani Segamat	Segamat	300,000.00
4	Pejabat Daerah Pontian	Menaiktaraf Jeti Nelayan Sungai Pulai Sebatang	Pontian	300,000.00
5	Pejabat Daerah Tangkak	Menaiktaraf Dataran Kg Pulau Penarik, Sungai Mati	Tangkak	300,000.00
6	Pejabat Daerah Batu Pahat	Kerja-kerja naiktaraf pusat IKS Parit Raja, Batu Pahat	Batu Pahat	300,000.00
7	Pejabat Daerah Mersing	Kerja-kerja Menaiktaraf Dataran Pelancongan Geopark Tanjung Kempit, Kampung Belukar Juling, Endau	Mersing	290,503.24
8	Pejabat Daerah Kulai	Menaiktaraf Pusat Perniagaan dan Pengumpulan Produk-produk IKS Felda Bukit Batu	Kulai	280,000.00
		Projek Revot Pasar Tani di Flat Temenggong Indahpura	Kulai	19,125.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>2,380,211.04</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)**  
**SOALAN 41 (A179)**

Bagaimanakah pihak kerajaan hendak menjayakan pemberian Vaksin untuk industri. Berapa ramai yang terlibat dalam pemberian vaksin ini dan bilakah jangkaan pihak kerajaan untuk menyelesaikan pemberian vaksin kepada industri ini?

**JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD**

Program pemberian vaksin kepada sektor Industri telah dilaksanakan menerusi Program Imunisasi Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) yang menyasarkan golongan pekerja di sektor industri. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan proses pemberian vaksin kepada para pekerja tempatan dan juga warga asing bagi sektor Pembuatan.

Beberapa kementerian lain seperti Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Pengangkutan (MOT) turut menjalankan program yang sama ke atas pekerja dalam sektor yang dikawalselia. Program ini adalah secara sukarela di mana pihak majikan akan menanggung kos-kos operasi berkaitan pemberian vaksin tidak termasuk kos bekalan vaksin yang diberikan secara percuma oleh pihak Kerajaan.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 10 PPV Industri (4 PPV Onsite dan 6 PPV Gunasama) telah memulakan operasi di seluruh Johor dengan sejumlah 144,241 orang pekerja industri Sektor Pembuatan telah selesai menerima dos pertama dan 39,080 menerima dos kedua di seluruh negeri Johor sehingga 18 Ogos 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)**  
**SOALAN 42 (A102)**

Berapa banyakkah perbelanjaan yang dikeluarkan dan dibelanjakan dalam tempoh darurat tanpa di bahaskan dalam Dewan Negeri?.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Kerajaan Persekutuan menerusi Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No. 2) 2021 telah melaksanakan proklamasi darurat bermula pada 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021. Tindakan ini bertujuan untuk menjamin keselamatan, mengimbangi ekonomi serta mengekalkan ketenteraman awam.

Ordinan tersebut menggariskan bahawa bagi tempoh darurat berkuat kuasa, apa-apa perbelanjaan atau pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan atau Kumpulan Wang Disatukan bagi sesuatu negeri boleh dibuat dengan kelulusan Perbendaharaan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi sesuatu negeri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri **tidak membuat sebarang perbelanjaan yang dikeluarkan dan dibelanjakan dalam tempoh darurat tanpa dibahaskan dalam Dewan Negeri**, malah telah membuat penjimatan menerusi penjajaran semula berkaitan belanjawan pembangunan yang mana penjajaran yang telah dilaksanakan ini telah menunjukkan lebih sebanyak **RM 105.04 juta atau 12.3 peratus**. Lebihan ini digunakan bagi menampung perbelanjaan berkaitan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0, yang mana telah saya umumkan pada 10 Jun 2021 yang lalu.

Di negeri Johor, Kerajaan Negeri komited dalam usaha untuk membantu rakyat mendepani pandemik COVID-19. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah mengumumkan pelaksanaan dua Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor, iaitu PRE Ihsan Johor 2.0 di bawah Belanjawan 2021 dan PRE Ihsan Johor 3.0 dengan peruntukan asal berjumlah RM393.74 juta.

Berdasarkan keputusan mesyuarat MMK bil 793/2021 bertarikh 21 Julai 2021, peruntukan semasa bagi inisiatif di bawah PRE 3.0 berjumlah RM209.91 juta merangkumi 33 inisiatif yang meliputi sektor Masyarakat dan Modal Insan, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Pelancongan, Advokasi Vaksinasi COVID-19 serta lain-lain inisiatif. Sehingga 03 Ogos 2021 sejumlah RM80.23 juta telah dibelanjakan dengan peratusan sebanyak 38.22 peratus. Perincian inisiatif adalah sebagaimana berikut:

Sektor Inisiatif	Jumlah Inisiatif	Peruntukan (RM juta)	Perbelanjaan (RM' juta)	Peratus Belanja	Bilangan Penerima
Modal Insan Dan Masyarakat	17	135.20	28.23	20.9	198,669
Pelancongan	4	1.50	0.048	3.2%	1,288
Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	3	30.50	30.20	99.0%	65,239
Advokasi Vaksinasi COVID-19	4	35.0	14.31	40.8%	180,000
Lain-lain	5	7.71	7.44	96.4%	-
<b>Jumlah</b>	<b>33</b>	<b>209.91</b>	<b>80.23</b>	<b>38.2%</b>	<b>445,196</b>

UNIT DEWAN,  
PEJABAT JURUTULIS DEWAN NEGERI JOHOR  
23 OGOS 2021 (ina)

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)**  
**SOALAN 43 (A51)**

Sejauh manakah keberkesanan dasar-dasar yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor dalam membantu menangani masalah mereka yang terkesan semasa Covid-19 ini ?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman **Yang Berhormat Machap**, kerajaan Perikatan Nasional (PN) pada hari ini kekal komited dalam usaha mencari pelbagai mekanisme yang berkesan dalam usaha membantu golongan terjejas disebabkan oleh pandemik Covid-19 ini.

Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0 merangkumi pemberian bantuan *one-off* dan bantuan lain-lain, telah diumumkan Menteri Besar, Dato' Hasni Mohammad pada 10 Jun 2021.

Bantuan pusingan ketiga yang disalurkan ini membuktikan negeri Johor sentiasa mengutamakan aspek kebajikan dan kepentingan rakyat dalam tempoh pandemik ini.

Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri telah memberi keutamaan dengan menyasarkan golongan yang hilang pekerjaan dan golongan B40 di negeri Johor.

Berdasarkan data PERKESO dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) orang yang hilang pekerjaan di negeri Johor, seramai 3,583 orang telah diberhentikan kerja akibat kesan pandemik sejak Januari 2021.

Susulan daripada itu, insentif *one-off* sebanyak RM500 akan diberikan kepada golongan ini sebagai usaha bantuan kepada mereka untuk menampung kehidupan sementara mencari pekerjaan baharu. Inisiatif ini juga akan diteruskan sehingga 31 Disember 2021.

Manakala bagi golongan B40 isi rumah yang sedia ada, tidak termasuk dalam senarai penerima e-kasih oleh JKM dan zakat dari MAIJ, kerajaan negeri akan memberikan insentif berupa baucar barangan sebanyak RM200 yang boleh digunakan untuk tujuan membeli barangan asas mengikut keperluan masing-masing.

Inisiatif ini merupakan kerjasama di antara Kerajaan Negeri Johor dan MyKasih Foundation yang tidak melibatkan sebarang kos perbelanjaan. Malahan lebih efisien, telus dan selamat.

Penerima boleh membeli barangan keperluan menggunakan MyKad di mana-mana kedai serbaneka berhampiran di seluruh negeri Johor dengan sasaran seramai 300,000 isi rumah.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)**  
**SOALAN 44 (A68)**

Berapa ramaikah warga Johor terkini yang tergolong dalam golongan miskin dan miskin tegar di setiap daerah dalam Negeri Johor berbanding sebelum PKP 1.0 di laksana?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Merujuk dalam sistem e-kasih, perbandingan statistik kemiskinan eKasih pada 17 Mac 2020 iaitu sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dan statistik semasa pada 25 Julai 2021 adalah seperti di Lampiran A.

Bagi statistik bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin Tegar, terdapat peningkatan ketara iaitu sebanyak 4,939% daripada 170 KIR pada 17 Mac 2020 kepada 8,567 KIR pada 25 Julai 2021.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,772 KIR (90.7%) Miskin dan Terkeluar telah berubah status ke Miskin Tegar, 114 KIR (1.3%) adalah kekal berstatus Miskin Tegar dan 681 KIR (8.0%) adalah pendaftaran kes baharu.

Bilangan KIR Miskin juga telah meningkat sebanyak 195% daripada 3,209 KIR pada 17 Mac 2021 kepada 9,471 KIR pada 25 Julai 2021.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8,504 KIR (90%) Miskin Tegar dan Terkeluar telah berubah status ke Miskin, 480 KIR (5.0%) adalah kekal berstatus Miskin dan 487 KIR (5.0%) adalah pendaftaran kes baharu.

Untuk makluman Yang Berhormat Kemelah, berdasarkan statistik yang dipaparkan, daerah Batu Pahat, Johor Bahru dan Kota Tinggi mencatatkan jumlah miskin tegar tertinggi di negeri Johor.

Antara faktor peningkatan ini adalah disebabkan oleh penggunaan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 dalam sistem eKasih berkuat kuasa, mulai 1 Februari 2021 yang lalu sebagaimana di bawah:

**PERBANDINGAN STATISTIK KEMISKINAN eKASIH NEGERI JOHOR PADA 17.3.2020  
(SEBELUM PKP 1.0) DAN DATA TERKINI 25 .7.2021**

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**Perbandingan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Tahun 2016 dan 2019 Negeri Johor**

NEGERI	PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) 2016 (RM Bulanan)				PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) 2019 (RM Bulanan)			
	Miskin		Miskin Tegar		Miskin		Miskin Tegar	
	Isi Rumah	Per kapita	Isi Rumah	Per kapita	Isi Rumah	Per kapita	Isi Rumah	Per kapita
<b>JOHOR</b>	<b>923</b>	<b>239</b>	<b>597</b>	<b>151</b>	<b>2,505</b>	<b>692</b>	<b>1,165</b>	<b>344</b>
<b>Bandar</b>	<b>944</b>	<b>245</b>	<b>606</b>	<b>154</b>	<b>2,517</b>	<b>701</b>	<b>1,267</b>	<b>347</b>

NOTA:

1. Tarikh kuat kuasa penggunaan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 adalah pada 1 Februari 2021.
2. Susunan adalah berdasarkan jumlah Miskin Tegar tertinggi mengikut daerah (data PGK 2019).
3. Data pada 17.3.2020 adalah berdasarkan penggunaan PGK 201

DAERAH	MISKIN TEGAR		MISKIN		TERKELUAR		JUMLAH	
DAERAH	DATA PADA 17.3.2020	DATA PADA 25.7.2021	DATA PADA 17.3.2020	DATA PADA 25.7.2021	DATA PADA 17.3.2020	DATA PADA 25.7.2021	DATA PADA 17.3.2020	DATA PADA 25.7.2021
Batu Pahat	30	1,480	663	1,477	3,698	1,508	4,391	4,465
Johor Bahru	32	1,469	507	1,495	3,395	1,366	3,934	4,330
Kota Tinggi	27	1222	499	1138	2,570	891	3,096	3,251
Pontian	19	821	470	886	2,159	967	2,648	2,674
Muar	4	741	262	1018	2,549	1,143	2,815	2,902
Segamat	6	703	157	876	2,300	902	2,463	2,481
Kulai	8	611	196	667	1,519	677	1,723	1,955
Mersing	3	581	242	640	1,366	558	1,611	1,779
Tangkak	1	523	64	785	1,937	748	2,002	2,056
Kluang	40	416	149	489	1,263	582	1,452	1,487
<b>Jumlah</b>	<b>170</b>	<b>8,567</b>	<b>3,209</b>	<b>9,471</b>	<b>22,756</b>	<b>9,342</b>	<b>26,135</b>	<b>27,380</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)**  
**SOALAN 45 (A75)**

Kerajaan Negeri galak mengkonsesikan kerja-kerja kecil yang sepatutnya diurus oleh Jabatan. Asas apa yang menyebabkan minat sangat kerajaan kepada gaya ini. Adakah kakitangan kerajaan sudah tidak lagi efektif untuk menguruskan kerja tersebut?.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman **Yang Berhormat Senggarang**, YAB Perdana Menteri pada 17 Mac 2021 mengumumkan Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA) sebagai langkah pemulihan ekonomi negara secara komprehensif.

Di dalam program PEMERKASA kerajaan pusat telah bersetuju memperuntukkan sejumlah RM20 juta untuk setiap negeri bagi tujuan pelaksanaan projek berskala kecil melalui Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Perbendaharaan Negeri Johor, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Pejabat – Pejabat Daerah di Negeri Johor telah menyelaras pelaksanaan projek berskala kecil tersebut.

Pihak MOF telah menetapkan bahawa projek berskala kecil PEMERKASA ini hendaklah dilaksanakan secara undian dan ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar.

Terdapat 20 skop projek yang telah digariskan oleh pihak MOF di antaranya adalah membaik pulih dan menyelenggara surau, masjid dan rumah ibadat, kemudahan berkaitan termasuk dataran kejut, membaik pulih dan menyelenggara parit, longkang, tali air, benteng dan sungai, membaik pulih dan menyelenggara pondok perhentian bas, stesen bas dan membaik pulih dan menyelenggara pusat komuniti, dewan serbaguna, dewan orang ramai, balai raya, membaik pulih dan menyelenggara infrastruktur asas di kampung-kampung dan lain-lain.

Bagi menjawab persoalan **Yang Berhormat Senggarang** mengenai pengagihan kerja-kerja kecil. Saya akan fokus kepada daerah Batu Pahat.

Sejumlah RM2 juta telah diperuntukkan bagi 43 projek berskala kecil PEMERKASA di daerah Batu Pahat. Bagi kawasan DUN Senggarang, Pejabat Daerah Batu Pahat telah mengenalpasti 2 projek kecil berjumlah RM 70,000.00.

Projek berkenaan adalah kerja-kerja baik pulih ruang dapur dan tempat wudhu serta kerja-kerja berkaitan di Surau Al Firdaus Kg Sungai Suloh dan baikpulih Balairaya Parit Kemang, Mukim Kg Bharu.

Sesi pendaftaran permohonan bagi menjalankan projek berskala kecil PEMERKASA telah dilakukan pada 11-13 Julai 2021. Bagi sesi cabutan pengundian kerja projek berskala kecil telah dilaksanakan pada 18 Julai 2021 secara online melalui *Facebook Live* Pejabat Daerah Batu Pahat.

Menjawab kepada persoalan **Yang Berhormat Senggarang** yang menyatakan bahawa projek – projek kecil telah dilaksanakan secara konsesi adalah satu kenyataan yang tidak benar.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

Pejabat Daerah Batu Pahat telah melaksanakan proses undian terbuka kepada kontraktor yang berdaftar. Pejabat Daerah akan memastikan kontraktor yang berjaya menerima tawaran kerja berkenaan adalah layak dan kerja – kerja yang ditawarkan dilaksanakan dengan sempurna.

Bagi tahun 2021, sejumlah RM 672,250.00 telah diperuntukkan bagi DUN Senggarang meliputi 10 projek kecil telah dilaksanakan oleh pejabat daerah Batu Pahat. Semua proses perolehan telah dibuat mengikut garis panduan perolehan seperti proses sebut harga dan undian. Kerja-kerja kecil berkenaan meliputi peruntukkan pembangunan P71, MARRIS dan PEMERKASA.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)**

**SOALAN 46 (A88)**

Apakah inisiatif Kerajaan Negeri Johor untuk membantu rakyat yang tidak mampu membayar sewa rumah, bil elektrik dan bil air akibat PKP Covid-19?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman **Yang Berhormat Yong Peng**, kerajaan Johor telah pun melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyatnya. Antara usaha pemberian bantuan yang telah pun dilaksanakan adalah menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0.

Sejak tahun 2018 sehingga kini, Kerajaan Negeri Johor secara konsisten telah pun melaksanakan pemberian 10 meter padu air percuma kepada golongan B40, dengan perbelanjaan bernilai sebanyak RM45.268 juta (45,268,683.85) dengan purata penerima sebulan seramai 155,817 yang berdaftar di akaun Ranhill SAJ.

**Untuk makluman dewan yang mulai**, menerusi PRE Ihsan Johor 3.0 juga, kerajaan negeri turut melaksanakan inisiatif pengecualian bayaran sewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Sewa Kerajaan (RSK) sehingga 31 Disember 2021. Usaha ini dijangka dapat memberi manfaat kepada seramai 8,743 penyewa.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**  
**SOALAN 47 (A110)**

Apakah inisiatif kerajaan Negeri Johor dalam memastikan golongan menganggur, tiada pekerjaan dan dibuang kerja semasa pandemik Covid-19 ini untuk mencari sumber pendapatan dalam meneruskan kelangsungan hidup?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Berdasarkan data negeri Johor oleh PERKESO dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bermula Januari 2021 sehingga kini, seramai 3,583 orang telah diberhentikan akibat terkesan dengan pandemik Covid-19.

Oleh itu, bantuan sekali beri atau *one-off* RM500 akan diberikan bagi membantu golongan ini untuk menampung kehidupan mereka untuk mencari pekerjaan yang baharu. Ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0.

Untuk makluman **Yang Berhormat Sri Medan**, inisiatif ini akan diteruskan sehingga 31 Disember 2021.

Pelbagai inisiatif telah dirangka sebagai usaha Unit Strategik Modal Insan (SMI) Johor untuk membantu mereka yang menganggur, tiada pekerjaan dan dibuang kerja semasa pandemik ini.

Antaranya ialah Program Gerak Kerjaya Johor. Program ini pada asalnya telah di jadualkan secara bersiri bermula pada bulan Mac sehingga September 2021.

Siri 1 telah dijalankan di B5 Street Market, Johor Bahru pada 27 Mac 2021 dengan menawarkan sebanyak 170 jawatan kosong bagi jawatan Lasher dan Pemandu Prime Mover di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP).

Selain daripada temuduga yang dijalankan oleh PTP, turut diadakan pameran interaktif yang disertai oleh agensi daripada Yayasan Pembangunan, Keluarga Darul Takzim (YPKDT), Majlis Agama Islam Johor (MAINJ) dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) bagi membuat hebahan serta perkongsian inisiatif anjuran agensi masing-masing.

**Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat**, berikutan faktor peningkatan kes penularan Covid-19 dan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), program yang telah dirancang secara bersiri ini terpaksa ditunda dan diubah perancangannya.

Program seterusnya akan diadakan pada bulan September 2021 secara atas talian dengan menyasarkan penglibatan 70 majikan dengan tawaran lebih dari 1,000 kekosongan.

Selain itu, Unit SMI juga giat membuat hebahan jawatan kosong di platform media sosial. Sepanjang Januari hingga Julai 2021, sebanyak 1,101 jawatan kosong telah diiklankan dan dihebahkan.

Antara majikan yang terlibat adalah seperti dari sektor peruncitan iaitu 99 Speedmart, sektor perladangan iaitu Kulim (Malaysia) Sdn Bhd, KLK Berhad dan banyak lagi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

Unit SMI amat mengalu-alukan para majikan yang mempunyai jawatan kosong dan keperluan mendapatkan pekerja untuk menghubungi Unit SMI agar maklumat tersebut dapat disalurkan serta dihebahluaskan kepada pencari kerja.

Sukacita ingin dikongsikan juga, Unit SMI dalam proses perbincangan bersama syarikat Premier Plus Group yang menyasarkan tawaran 1,500 jawatan kosong bagi tempoh lima (5) tahun di Johor dapat dilaksanakan.

Malahan, tawaran pekerjaan bagi syarikat ini juga sedang giat dihebahkan oleh Unit SMI.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**

**SOALAN 48 (A159)**

Bincangkan perkembangan pasport vaksin antara Malaysia dan Singapura.

**YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)**

**SOALAN 49 (A43)**

Adakah individu yang telah diberi vaksin dapat berulang-alik dari Malaysia ke Singapura tanpa dikuarantin? Adakah Singapura mengiktirafkan sijil vaksin di mysejahtera? Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor dalam isu pembukaan sempadan Johor-Singapura.

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)**

**SOALAN 50 (A55)**

'Herd immunity' di jangka boleh di capai pada bulan 10 untuk negeri Johor. Adakah sempadan Singapura - Johor akan di buka apabila kita mencapai 'Herd Immunity'?

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)**

**SOALAN 51 (A154)**

Apakah usaha terkini Kerajaan Negeri dalam pembukaan sempadan Malaysia-Singapura?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

(Jawapan bersekali untuk soalan A159, A43, A55 & A154)

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjawab secara bersekali soalan daripada Yang Berhormat **Stulang, Bekok, Tenggaroh** dan **Perling**.

Semua sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan bermula pada 18 Mac 2020 bagi membendung penularan virus Covid-19 turut telah memberi kesan terhadap pekerja yang berulang-alik dari Malaysia ke Singapura.

Keputusan yang dibuat sememangnya bukan tindakan yang populis dan tidak menguntungkan Kerajaan, baik Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri Johor. Namun begitu, tindakan ini dibuat adalah bagi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat khususnya Negeri Johor dalam mendepani pandemik Covid-19.

Berdasarkan data yang dikongsikan oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) sehingga 7 Ogos 2021, negeri Johor telah mencatatkan sebanyak 19.95% populasi dewasa yang telah lengkap menerima vaksin.

Walaupun peratusan vaksinasi di Johor rendah berbanding keseluruhan di peringkat negara, iaitu sebanyak 36.3%, namun begitu dengan keupayaan suntikan harian yang dipertingkatkan sehingga 49,881 suntikan dos 1 dan 2 sehari dan bekalan vaksin kepada negeri Johor yang juga telah dipertingkatkan, dijangkakan negeri Johor akan mencapai 40% populasi dewasa yang telah lengkap menerima vaksin pada penghujung bulan Ogos dan 60% populasi dewasa yang telah lengkap menerima vaksin pada penghujung bulan September.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

Menjawab soalan **Yang Berhormat Bekok** berkaitan individu yang telah diberi vaksin dapat berulang-alik dari Malaysia ke Singapura tanpa kuarantin. Berdasarkan kajian dan penelitian pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan World Health Organization (WHO), individu yang telah divaksin adalah tetap berisiko untuk dijangkiti namun vaksin yang telah disuntik telah berjaya mengurangkan risiko individu yang positif mengalami jangkitan yang teruk sehingga Kategori 3 hingga 5.

Kebanyakan kes jangkitan individu yang telah lengkap divaksin adalah dalam Kategori 1 dan 2 sahaja iaitu hanya bersimptom demam, hilang deria bau dan rasa.

Walau bagaimanapun, individu tersebut juga berisiko untuk menjangkiti ahli keluarga yang belum divaksin iaitu kepada isteri, suami atau anak-anak. Ini termasuklah dengan kewujudan variant-variant baharu yang ditemui seperti variant Delta dan Delta Plus dengan kebolehjangkitan yang tinggi dan merbahaya.

Kerajaan telah mengumumkan bahawa mulai 10 Ogos 2021 semua pengembara warganegara dan bukan warganegara yang mempunyai kediaman di Malaysia yang pulang/tiba dari luar negara serta lengkap di vaksin dibenarkan untuk kuarantin sendiri di rumah kediaman masing-masing mengikut SOP yang ditetapkan oleh KKM.

Namun begitu, ingin tegaskan bahawa SOP-SOP yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan adalah bersifat dinamik di mana akan berubah-ubah berdasarkan situasi semasa dan dapatan kajian terkini oleh KKM dan WHO.

Bagi menjawab soalan daripada **Yang Berhormat Bekok** berkenaan soalan adakah Singapura mengiktiraf sijil vaksin di MySejahtera? Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Luar Malaysia bersama Kementerian Luar Singapura masih dalam proses memuktamadkan berkaitan pengiktirafan sijil vaksin yang dikeluarkan oleh kedua-dua negara.

Komitmen Malaysia dan Singapura ini adalah bertujuan untuk memudahkan perjalanan rentas sempadan pada masa akan datang antara rakyat Malaysia dan Singapura.

Pengiktirafan Timbal Balik Sijil Vaksinasi antara Malaysia dan Singapura, termasuk syarat-syarat terperinci, protokol kesihatan, dan proses permohonan yang diperlukan untuk keluar masuk ke Singapura dan Malaysia sedang dimuktamadkan oleh kedua-dua negara.

Menjawab soalan **Yang Berhormat Bekok, Tenggaroh** dan **Perling** berhubung usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor dalam isu pembukaan sempadan Johor-Singapura.

Dalam mendepani pandemik Covid-19, Kerajaan Negeri Johor sememangnya sedar bahawa impak langsung daripada penutupan sempadan Johor-Singapura memberi impak yang besar kepada rakyat Johor yang bekerja di Singapura yang dianggarkan seramai 300,000 orang.

Impak penutupan sempadan Johor-Singapura juga telah memberi kesan yang signifikan terhadap ekonomi di Negeri Johor. Banyak pusat membeli belah, kedai-kedai dan restoran lenggang dan ada yang terpaksa ditutup akibat daripada penutupan sempadan ini.

Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri Johor iaitu Kerajaan negeri Johor telah pun berjaya melaksanakan program *Periodic Commuting Arrangement (PCA)* dan *Reciprocal Green Lane*

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

(RGL). Walau bagaimanapun mulai 1 Februari 2021 pihak Singapura telah menggantung pelaksanaan RGL disebabkan penularan kes yang tinggi.

Kerajaan negeri juga telah mencadangkan pelaksanaan *Daily Commuting Arrangement* (DCA) kepada kerajaan pusat. Walau bagaimanapun perkara ini masih belum dimuktamadkan atas beberapa perkara seperti sijil digital vaksin yang boleh diterima pakai di Singapura dan juga negara-negara lain.

Pembukaan sempadan Malaysia dan Singapura juga bergantung kepada faktor-faktor lain seperti jumlah penularan kes.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**  
**SOALAN 52 (A121)**

Apakah status Projek Pembaikan Infrastruktur Dan Fasiliti Yang Rosak Akibat Banjir (NADMA) yang mana laporannya telah dihantar ke Pejabat Daerah Kota Tinggi pada bulan Februari 2021?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman **Yang Berhormat Pasir Raja**, Pejabat Daerah Kota Tinggi telah pun melaksanakan Program Undi Perdana pada 14 Julai 2021 di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Kota Tinggi secara atas talian di FB Rasmi Pejabat Daerah Kota Tinggi.

Projek Pembaikan Infrastruktur Dan Fasiliti Yang Rosak Akibat Banjir (NADMA) bermula pada 26 Julai 2021 dengan status pencapaian terkini sehingga 31 Julai 2021 adalah 5 peratus pelaksanaan.

Projek dijangka selesai pada akhir Oktober 2021 dan Agensi perlu kemukakan dokumen tuntutan bayaran kepada Pejabat Pembangunan Negeri sebelum 15 November 2021.

Untuk rekod, satu mesyuarat telah diadakan di Pejabat Pembangunan Negeri pada 25 April 2021 telah memaklumkan keputusan kelulusan tajuk kerja di peringkat pusat seperti mana diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyelarasan Gerak Kerja Peruntukan Infrastruktur dan Fasiliti Yang Rosak Akibat Banjir Bil2/2021 pada tarikh 10 Mac 2021.

Pejabat Pembangunan Negeri juga memaklumkan kelulusan pengecualian tatacara perolehan dari MOF pada 26 Januari 2021 yang membenarkan kerja undi sehingga RM200,000, lantikan terus sehingga RM50,000 dan jabatan bukan teknikal boleh melaksanakan kerja penyelenggaraan melebihi RM100,000 (Awam) dan RM50,000 (Elektrik).

Selaras dengan jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri, Agensi di Daerah Kota Tinggi melibatkan PDKT, MDKT, MPP, JKR dan JPS perlu membuat semakan semula tajuk kerja dan lawatan tapak serta menyediakan perincian *Built Quantity* (BQ) projek berkenaan. Penghantaran BQ mengikut Agensi adalah pada 15 Mei 2021 ke Pejabat Pembangunan Negeri untuk disahkan sebelum penurunan waran.

Pejabat Pembangunan Negeri telah menurunkan waran berjumlah RM8.045 juta untuk 70 tajuk projek pada 16 Jun 2021 dengan pecahan seperti berikut:-

BIL	AGENSI	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN(RM)
1.	Pejabat Daerah Kota Tinggi	27	2,590,100
2.	Majlis Daerah Kota Tinggi	18	1,905,000
3.	Majlis Perbandaran Pengerang	1	200,000
4.	JKR Daerah Kota Tinggi	22	2,995,000
5.	JPS Daerah Kota Tinggi	2	355,000
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>70</b>	<b>8,045,100</b>



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)**  
**SOALAN 53 (A44)**

Semua sektor adalah penting kerana menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan dan bergantung kepada satu sama lain. Maka, kerajaan harus membenarkan semua sektor ekonomi meneruskan operasinya. Bilakah negeri Johor akan membenarkan semua sektor ekonomi untuk mula beroperasi secara sepenuhnya?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Kerajaan negeri menyedari kepentingan rantaian bekalan dalam sektor ekonomi yang saling berkait antara satu sama lain terutama sekali dalam konteks negeri Johor.

Untuk makluman **Yang Berhormat Bekok**, struktur ekonomi negeri Johor pada tahun 2020 didominasi oleh sektor perkhidmatan sebanyak 51.8% dan diikuti oleh sektor perkilangan sebanyak 30.2%.

Sehubungan itu, penutupan operasi sektor ekonomi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negeri Johor.

Hal ini dapat dilihat pada tahun 2020 apabila semua sektor ekonomi negeri Johor mencatatkan pertumbuhan negatif kecuali sektor pertanian. Namun begitu, purata pertumbuhan ekonomi negeri Johor adalah lebih baik dari Malaysia iaitu pada kadar – 4.6 % berbanding – 5.6%.

Walaupun bagaimanapun, bidang kuasa untuk membenarkan sektor ekonomi beroperasi ketika PKP adalah tertakluk kepada Kerajaan Persekutuan menerusi Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) bersama Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021.

**Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat**, kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk memastikan sektor ekonomi dapat beroperasi secara sepenuhnya, namun ianya juga tertakluk kepada nilai ambang dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Jun 2021.

MITI juga turut mengeluarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Inisiatif Safe@Work untuk sektor pengilangan dan pembuatan yang digunapakai pihak industri bagi meneruskan operasi ketika pandemik COVID-19. Dengan adanya SOP ini, ianya akan memberi perlindungan yang lebih menyeluruh kepada pekerja dan industri yang beroperasi pada ketika ini.

Bagi mengekang penularan Covid-19, kerajaan negeri telah mempergiatkan pengambilan vaksin di kalangan pekerja industri dan sehingga kini, terdapat tiga (3) Pusat Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) di negeri Johor iaitu:

1. Austin International Convention Centre;
2. SKT Banquet Hall Muar; dan
3. Educity Sports Complex, Iskandar Puteri.

Selain itu, negeri Johor telah memperkenalkan IMMUPlan dimana bermula 29 Julai 2021, para '*Economic Frontliner*' yang berdaftar akan mendapat suntikan vaksin COVID-19. Program

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

ImmuPlan ini merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri Johor bagi memastikan imuniti kelompok dapat dibentuk segera dan seterusnya pembukaan sektor ekonomi secara meluas.

Negeri Johor akan membenarkan semua sektor ekonomi untuk mula beroperasi secara sepenuhnya setelah penularan jangkitan COVID-19 berkurangan atau imuniti kelompok dalam kalangan rakyat Johor telah dicapai.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 23 OGOS 2021**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)**  
**SOALAN 54 (A174)**

Nyatakan bilangan peminfaat Pengangkutan Percuma Go Vaccine (GOVAC) dan peruntukan yang di belanja oleh Kerajaan Negeri.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

**Untuk makluman Yang Berhormat Skudai**, sehingga 7 Ogos 2021, seramai 2,724 pengguna seluruh negeri Johor mendapat manfaat daripada perkhidmatan pengangkutan percuma di bawah inisiatif Program Sukarelawan Go Vaccine (GOVAC).

Perkhidmatan yang ditawarkan adalah membantu membawa penerima vaksin dari kediaman terus ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negeri ini.

Pengguna perkhidmatan GOVAC tertinggi adalah di daerah Batu Pahat, iaitu seramai 695 orang; Johor Bahru, 639 orang; Kluang, 473 orang; Pontian, 391 orang; Segamat, 271 orang; Muar, 77 orang; Tangkak, 61 orang; Kulai, 58 orang; Mersing, 35 orang dan Kota Tinggi 24 orang.

Perkhidmatan GOVAC ini dilancarkan lagi dengan penglibatan seramai 209 pemandu. Pecahan pemandu mengikut daerah, Johor Bahru 36 pemandu; Kota Tinggi 24 pemandu; Mersing lima (5) pemandu; Kulai empat (4) pemandu; Pontian 20 pemandu; Kluang 19 pemandu; Batu Pahat 39 pemandu; Muar 22 pemandu; Tangkak 11 pemandu dan Segamat 29 pemandu.

Program yang telah beroperasi pada 12 Julai 2021 ini berjaya membantu mengurangkan bebanan penerima vaksin untuk menggunakan kenderaan sendiri bagi memastikan seluruh rakyat Johor tidak terlepas untuk temu janji ke pusat vaksin.

Untuk makluman **Yang Berhormat Skudai**, inisiatif ini tidak menggunakan peruntukan daripada kerajaan negeri tetapi inisiatif ini merupakan inisiatif Kesukarelawan Pertubuhan Kebajikan Makmur Negeri Johor.

Namun begitu, inisiatif kesukarelawan pertubuhan itu turut mendapat sokongan padu daripada kerajaan negeri dalam usaha meningkatkan program vaksinasi di negeri ini.

Untuk rekod, Pertubuhan Kebajikan Makmur Johor mempunyai 26 cawangan seluruh negeri Johor yang membantu melakukan pemantauan serta memastikan rakyat Johor tahu dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan ini.

26 cawangan Pertubuhan Makmur Negeri Johor adalah, Segamat; Sekijang; Labis; Pagoh; Ledang; Bakri; Muar; Parit Sulong; Ayer Hitam; Sri Gading; Batu Pahat; Simpang Renggam; Kluang; Sembrong; Mersing; Tenggara; Kota Tinggi; Pengerang; Tebrau; Pasir Gudang; Johor Bahru; Pulai; Iskandar Puteri; Kulai; Pontian dan Tanjung Piai.